

BAB 3 KELAHIRAN ‘ILMU BERTERASKAN ISLĀM DI ‘ĀLAM MELAYU

3.1 SEJARAH DAN PUSAT-PUSAT UTAMA PERADABAN ‘ILMU MELAYU ISLĀM

3.1.1 Kerajaan Melayu Islām Perlak dan Samudera Pasai Dār al-Salām (Abad ke-9 hingga ke-15)

Perlak adalah sebuah kerajaan Islām yang terawal di Sumatera Utara iaitu kira-kira pada tahun 840 di bawah pimpinan raja pertamanya yang bernama Sultān ‘Alāū al-Dīn Sayyid Māulānā ‘Abd al-‘Azīz Syāh⁵⁵ (Prof. Dr. Hashim Hj. Musa, 2001, op cit: 50). Marco Polo⁵⁶ (1254-1324) yang mengunjungi Perlak pada tahun 1292, mendapati para pedagang sibuk menjalankan perdagangan. Di samping itu, mereka juga menyebarkan agama Islām kepada penduduk tempatan.

Kemudian, Samudera-Pasai⁵⁷ pula berkembang sebagai sebuah kerajaan kembar Islām pertama yang ditubuhkan oleh Meurah Giri dengan nama Islamnya Sultān Mahmud Syāh pada tahun 1402 (ibid: 51). Pengislaman Samudera-Pasai pada tahun 1282 berlaku

⁵⁵ Sultān ‘Alāū al-Dīn Sayyid Māulānā ‘Abd al-‘Azīz Syāh merupakan anak kepada seorang ‘Arab Quraisy Sayyid ‘Alī ibnu Muḥammad ibnu Ja’far al-Ṣiddīq, hasil daripada perkahwinannya dengan adik perempuan Meurah Perlak.

⁵⁶ Marco Polo adalah seorang pengembara Itali yang dilahirkan di bandar Venice. Ketika beliau pulang dari Parsi ke Cina, beliau turut singgah di Perlak iaitu sebuah negeri yang tidak tercatat dalam diari pelayarannya.

⁵⁷ Nama asal Samudera-Pasai mempunyai ceritanya yang tersendiri. Pada suatu hari, Meurah Silu pergi berburu. Anjingnya yang bernama *Pase* telah menyalak di atas tanah tinggi dan kebetulan ketika itu reaksi anjing tersebut diperhatikan oleh seekor semut sebesar kucing. Dengan itu, dinamakan Samudera-Pasai yang bererti *Semut besar* (Drs. M.D. Mansoer dalam Risalah Seminar: Sedjarah Masuknya Islām ke Indonesia, 1963: 58).

apabila seorang wazir dari kerajaan *Sa-mu-ta*⁵⁸ menemui seorang duta Cina di Quilon dan melalui pertemuan itu, dua orang perwakilan Pasai yang bernama Sulāymān dan Ḥasan telah dihantar ke negeri Cina (S.Q. Fatimi, 1963: 10). Selain itu, penemuan batu nisan yang tercatat nama pemerintah Pasai, Meurah Silo⁵⁹ yang menggunakan gelaran Islāmnya, Sultān Mālik⁶⁰ al-Ṣāliḥ⁶¹ (1261-1297/1303) adalah sebagai bukti Pasai diperintah oleh seorang raja Islām pada tahun 1297 atau 1307. Kedatangan para ‘ulamā’ dari ‘Arab, Parsī, Gujerat dan lain-lagi ke Pasai sejak abad ke-13 lagi telah menjadikan Pasai terkenal sebagai pusat keilmuan Melayu Islām yang pertama. Justeru itu, keadaan ini telah menggalakkan para pelajar dari merata tempat di ‘Ālam Melayu datang untuk mempelajari ‘ilmu agama di Pasai.

Dalam catatan ibnu Battutah yang mengunjungi Pasai pada tahun 1345 dan 1346, dinyatakan pemerintah Pasai, Sultān Mālik al-Ẓahir⁶² (1289-1326) amat mencintai ‘ilmu dan dengan bantuan cerdik pandai dari pelbagai negara seperti Amīr Sayyīd dari Syirāz, Tāj al-Dīn dari Isfahān, Amīr Delwāsā dari Delhi, dan ‘Abd Allāh ibnu Muḥammad al-Mutasīr dari Baghdad menjadikan Pasai sebagai sebuah pusat keilmuan Melayu Islām yang terulung sewaktu pemerintahannya. Baginda sering mengadakan perbincangan

⁵⁸ *Sa-mu-ta* ialah gelaran bagi Samudera-Pasai yang terdapat dalam Sejarah Dinasti Yuan.

⁵⁹ Rombongan Syeikh Ismā’īl yang merupakan utusan dari Syarīf Makkah datang ke Samudera-Pasai dan disambut oleh Meurah Silo, lalu Syeikh Ismā’īl dan Faqīr Muḥammad mengislamkan Meurah Silo. Dikisahkan pada malam pengislaman Meurah Silo, baginda bermimpi bertemu Rasūl Allāh s.a.w. Keesokannya, apabila Faqīr Muḥammad menemui Meurah Silo, maka diarahkan kepada baginda agar membaca al-Qur’ān dan baginda berkeyakinan lalu membacanya. Dengan itu, Syeikh Ismā’īl menyerahkan segala hadiah dari Syarīf Makkah dan melantik Meurah Silo menjadi Sultān Pasai (Hj. Muḥammad Said dalam ibid: 186). Meurah Silo adalah salah seorang putera hasil perkahwinan Meurah Gajah dengan Puteri Buluh Betung dari Samarlanga, Sumatera Utara.

⁶⁰ Gelaran *Mālik* ialah gelaran yang digunakan oleh Raja-raja Islām di Mesir. Kesultanan Pasai turut menggunakan gelaran itu.

⁶¹ Mālik al-Ṣāliḥ berkahwin dengan seorang raja Perlak, Ganggang Sari sebagai pernyataan terima kasih baginda di atas pengislaman Pasai oleh kerajaan Perlak. Baginda dikurniakan dua orang cahaya mata lelaki iaitu Mālik al-Tāhir atau Mālik al-Ẓāhir dan Mālik al-Manṣūr.

⁶² Nama Mālik al-Ẓāhir ialah bersempena nama gelaran kepada seorang raja Mamlūk yang memerintah Mesir, Mālik al-Ẓāhir Baibars (1260-1277). Mālik al-Ẓāhir adalah anakanda kepada Mālik al-Ṣāliḥ.

dengan para ilmuwan di masjid dan juga di istana Pasai. Di samping itu, Pasai sering dijadikan rujukan dalam menyelesaikan persoalan agama. Contohnya, Sultān Mansūr Syāh pernah mengirimkan *kitāb Dār al-Manzūm* karangan Māulānā Abū Bakar untuk dihirai dan dianalisis di Pasai dan untuk dijadikan sumber rujukan yang tidak diragui di Melaka pada abad ke-15 (Cheah Boon Kheng [pysn.], 1988: 183).

Pada tahun 1521, Pasai diserang oleh Portugis, dan pada tahun 1522 Pasai dikuasai oleh Majapahit. Dengan itu, putera-putera Pasai telah merantau ke Jawa dan tempat-tempat lain untuk menyebarkan Islām.

3.1.2 Kerajaan Melayu Islām Giri (Abad ke-14 dan ke-15)

Sunan Giri ialah tokoh pertama yang menyebarkan Islām dan begitu berpengaruh di Giri. Di bawah pemerintahannya, Giri muncul sebagai pusat penyebaran Islām yang terbesar dan terkuat di Pulau Jawa pada abad ke-14 dan ke-15 sehingga kerajaan Majapahit yang memerintah Giri ketika itu tidak berdaya melawan kekuatan agama Islām dan ini menyebabkan penyebaran agama Buddha menjadi lemah di Giri. Ramai pelajar daripada Borneo, Maluku, Sulawesi, Ternata dan Lombok datang ke Giri bagi mendalami ‘ilmu agama (Auni Abdullah, 1991: 25).

Apabila Sunan Giri meninggal dunia pada tahun 1506, perjuangan beliau disambung oleh anaknya Sunan Dalem, Sunan Sidomargi, Sunan Prapen dan Sunan Kawis Guwa. Di bawah pemerintahan sunan-sunan tersebut, Giri terus menjadi pusat perkembangan Islām di Tanah Jawa, kemudian muncul pula kerajaan Demak.

3.1.3 Kerajaan Melayu Islām Demak (Abad ke-15 dan ke-16)

Pada tahun 1478, Demak di Jawa Utara berjaya mengalahkan kerajaan Majapahit-Hindu yang begitu kuat di ‘Ālam Melayu. Pemisahan Demak dengan Majapahit telah menjadikan ia masyhūr sebagai pusat penyebaran ‘ilmu, apatah lagi ia disokong oleh perkembangan Islām yang pesat di Giri dan Jawa Utara. Raden Patah⁶³ (1500-1518) telah mendirikan kerajaan Islām yang pertama di Jawa, dengan Demak sebagai pusatnya dalam sekitar tahun 1500 melalui bantuan yang dihulurkan oleh daerah-daerah Islām di Jawa Timur seperti Japara, Tuban dan Gresik. (Prof. Dr. Ismail Hamid, 1986: 132).

Pada abad ke-15, kekuasaan Demak menjadi bertambah luas apabila ia menguasai daerah-daerah di pesisir Jawa Tengah dan Jawa Timur. Putera Raden Patah, Patih Unus⁶⁴ (1518-1521) banyak membantu ayahandanya dalam membangunkan kerajaan Islām Demak sehingga menjadi kuat. Tokoh ‘ulamā’ *Wali Songo*⁶⁵ dari Jawa seperti Sunan Giri, Sunan Ngampel, Sunan Kalijaga dan Sunan Kudus telah datang ke Demak bagi menyampaikan ajaran Islām (Prof. Dr. Hamka, 1977: 471). Setelah kemangkatan ayahandanya, Patih Unus menaiki takhta pemerintahan.

Apabila Patih Unus meninggal dunia, saudaranya, Sultan Terengganu (1521-1526) mengambil-alih pemerintahan sehingga baginda berjaya menjadikan Demak masyhūr sebagai sebuah kerajaan Islām yang berpengaruh di seluruh daerah di Jawa kecuali di

⁶³ Raden Patah ialah seorang Burpati Majapahit yang berkedudukan di Demak. Setelah memeluk Islām, beliau telah memutuskan hubungannya dengan Majapahit.

⁶⁴ Patih Unus terdapat dalam catatan Portugis. Namanya ialah Adipati Muhammad Yunus dan memakai gelaran Pangeran Sebrang Lor.

⁶⁵ Kesemua tokoh *Wali Songo* adalah sembilan orang yang datangnya dari Tanah Jawa. Mereka ialah Sunan Gresik atau Māulānā Mālik Ibrāhīm, Sunan Ampel atau Raden Rahmat, Sunan Bonang, Sunan Giri atau Raden Paku, Sunan Gunung Jati, Sunan Kudus, Sunan Muria, Sunan Darajat dan Sunan Kalijaga.

Timur Pasuruan, Jawa Timur dan Penjajaran, Jawa Barat kerana terdapat kerajaan Hindu di situ. Justeru itu, Sultan Terenggano mengarahkan panglima perangnya, Syarif Hidayat Allāh⁶⁶ mengaturkan serangan ke atas Jawa Barat yang belum menerima Islām kerana bimbangkan Portugis meluaskan pengaruhnya ke atas kerajaan-kerajaan Hindu di Jawa, dan memberi ancaman kepada kerajaan Islām Demak. Dalam serangan itu, Penjajaran dapat ditawan pada tahun 1525. Bagaimanapun, Demak gagal menawan Pasuruan apabila Sultan Terenggono terbunuh pada tahun 1546.

Selepas kemangkatan Sultan Terenggono, kerajaan Demak berakhir apabila menantu Sultan Terenggono, Adipati Joko Tingkir mengambil alih kekuasaan dan memerintah dari Pajang (Prof. Dr. Ismail Hamid, op cit: 133).

3.1.4 Kerajaan Melayu Islām Banjarmasin (Abad ke-18 dan ke-19)

Banjarmasin di Kalimantan Utara menerima Islām hasil daripada pengaruh Demak apabila orang Jawa Islām membantu Banjarmasin mengalahkan Majapahit pada tahun 1478 (Muhammad 'Uthman El-Muhammady dalam Islām dan Kebudayaan Melayu, 1977: 62). Berikutan dengan kejayaan mengalahkan pemberontakan di Kalimantan Selatan, Pangeran Samudera telah diislāmkan oleh seorang 'ulamā' dari 'Arab pada tahun 1526. Beliau kemudiannya diangkat menjadi pemerintah Banjarmasin yang pertama dengan memakai gelaran Islām, Sultan Suriyān Syah. Penduduk Banjarmasin juga memeluk Islām sebagai menunaikan janji menerima Islām kepada kerajaan Demak.

⁶⁶ *Hidayat Allāh* bererti mendapat petunjuk daripada Allāh. Beliau juga digelar *Faīt Allāh* yang bererti pembukaan kemenangan daripada Allāh. Beliau adalah seorang tokoh *Wali Songo*.

Pada abad ke-18 dan ke-19, Banjarmasin merupakan sebuah pusat keilmuan Melayu Islām yang terkenal. Ia dipelopori oleh dua orang ‘ulamā’ yang terkenal dalam pendidikan Islām iaitu Muḥammad Arsyād bin ‘Abd Allāh al-Banjārī⁶⁷ (1710-1812) dan Muḥammad Nafīs bin Idrīs al-Banjārī⁶⁸ (lahir 1735) (Prof. Dr. Hashim Hj. Musa, 2001, op cit: 60).

3.1.5 Kerajaan Melayu Islām Melaka⁶⁹ (Abad ke-15 dan awal ke-16)

Raja Melaka yang pertama, Parameswara⁷⁰ telah diislamkan Ṣidi ‘Abd al-‘Azīz dari Jeddah pada tahun 1414 dengan menggunakan nama Islamnya, Sultān Muḥammad Syāh. Selepas baginda memeluk Islām, ia telah menjadi ikutan kepada golongan istana Melaka dan akhirnya berkembang di kalangan rakyat jelata (W.G. Shellabear, 1977: 55).

Pada masa pemerintahan Sultān Maṇṣūr Syāh (1456-1477), Melaka berkembang menjadi sebuah pusat keilmuan Melayu Islām yang terkenal. Baginda pernah mengirimkan utusan ke Pasai untuk bertanya tentang beberapa masalah berkaitan agama. Sultān Maḥmūd Syāh (1488-1511) juga pernah melakukan perkara yang

⁶⁷ Kitāb Muḥammad Arsyād bin ‘Abd Allāh al-Banjārī yang terkenal ialah *Sabīl al-Muhtadin* dan *Kitāb Perukunan*.

⁶⁸ Kitāb Muḥammad Nafīs bin Idrīs al-Banjārī yang utama ialah *al-Dūr al-Nafīs fī Bayān Wahdāt al-Af'āl al-Asmā'* wa *al-Zāt al-Taqdis* yang dicetak berkali-kali di Kaherah dan tersebar di seluruh 'Ālam Melayu (Prof. Dr. Hashim Hj. Musa, 2001: 60).

⁶⁹ Nama Melaka merujuk pada dua nama iaitu pohon Melaka dan pusat perdagangan yang diisytihakan sebagai *Mulāqah* oleh orang Arab yang bererti tempat pertemuan pedagang.

⁷⁰ Parameswara menjadi raja Singapura dengan bergelar Raja Kecil Besar merantau ke Melaka. Baginda telah bermimpi berjumpa Nabī Muḥammad s.a.w. dan Nabī telah mengajarkannya mengucap dua kalimat syahādah. Bila baginda terjaga dari tidurnya, baginda mendapat zakarnya telah terkhatan. Pada suatu pagi, baginda pergi ke tepi pantai dan dilihatnya orang bersembahyang seperti dalam mimpiinya. Lalu baginda menjemput Ṣidi ‘Abd al-‘Azīz naik ke atas gajahnya dan dibawanya ke istana. Seterusnya, baginda memeluk Islām dan mendirikan kerajaan Islām di sana.

sedemikian sehinggakan baginda mempelajari kitāb *Ma'lūmāt* di rumah Māulānā Yusūf (Prof. Dr. Mahayudin Hj. Yahaya, 2000: 313). Sultan 'Alā'u 'al-Dīn Ri'ayat Syāh (1477-1488) memerintah Melaka berlandaskan hukum Islām seperti menangkap, mengenakan hukuman kepada pencuri dan penyamun dengan 'adil, membenci orang yang jahat dan memelihara harta benda rakyat (Raja Hj. Ahmad & Raja Ali Haji, [ed.] Virginia Matheson, 1997: 6).

Istana Melaka menjadi sebuah pusat keilmuan Islām yang terpenting (lihat Tome Pires, 1944: 239-242). Para 'ālim 'ulamā' Islām dari merata tempat seperti 'Arab, Parsī, India dan lain-lain seperti Makhdūm Sayyid 'Abd al-'Azīz, Māulānā Abū Bakar, Qādī Menawar Syāh, Qādī Yusūf Menua, Māulānā Ṣadar Johan dan Māulānā Jalāl al-Dīn telah datang ke Melaka bukan sahaja untuk menjalankan da'wah dan menyampaikan 'ilmu-'ilmu kepada pemerintah, para pembesar dan rakyat jelata di istana Melaka (R.O.Winstedt [ed.], 1938, vol. 16: 127-129), tetapi juga bagi menjaga institusi pemerintahan dari segi keagamaan. Terdapat di antara mereka yang mendapat jawatan qādī dan diberi status sebagai orang besar kerajaan. Mereka sentiasa diberi tempat yang khuşūs dalam upacara rasmi negara dan turut mengiringi setiap keberangkatan raja Melaka (ibid: 87). Terdapat juga para 'ulamā' yang datang ke Melaka untuk mendalami 'ilmu agama seperti tokoh *Wali Songo*, antaranya Sunan Bonang, Sunan Giri, dan Sunan Kalijaga. Apabila mereka menamatkan pengajian di Melaka, mereka menjadi mubaligh dan menyampaikan da'wah Islām ke merata tempat di 'Ālam Melayu .

Selain itu, istana Melaka juga terkenal sebagai perpustakaan tempat penyalinan dan penterjemahan kitab-kitab dan persuratan antaranya *Hikāyat Amīr Hamzah*, *Hikāyat Muhammad 'Alī Hanafiyah* dan *Dūr al-Manzūm* yang dipercayai disimpan di istana

Melaka (Dr. Hj. Abdullah Ishak, 1990: 103 dan Prof. Dr. Mahayudin Hj. Yahaya, 2000, op cit: 313).

Melaka menjadi semakin terkenal setelah berjaya mengambil alih peranan yang dimainkan oleh Pasai sebagai pusat perkembangan ‘ilmu pada abad ke-14 dan abad ke-15. Melaka begitu aktif dalam menyampaikan da‘wah Islām hingga ke Johor, Pahang, Jambi, Kampar, Bengkalis, Bintang, Pulau Karimon, Filipina dan lain-lain. Bagaimanapun, zaman kegembilangan Melaka pada abad ke-15 dan awal abad ke-16 sebagai pusat keilmuan Islām runtuh apabila Melaka ditakluki oleh kuasa Portugis pada tahun 1511.

3.1.6 Kerajaan Melayu Islām Brunei⁷¹ Dār al-Salām (Abad ke-15 dan ke-16)

Seorang Islām yang bernama *P'u A-li* (Abu Ali) dari *Po-ni*⁷² dihantar sebagai utusan yang bernama Hiang Ta untuk menghadap Maharaja Cina pada tahun 977 (Prof. Dr. Ismail Hamid, 1986, op cit: 78). Dengan kehadiran sebuah utusan Islām dari Brunei ke Cina, tercatatlah Brunei sebagai sebuah negeri Melayu Islām tertua yang pada waktu itu.

Kemasukan Islām ke Brunei mungkin berasal dari Cina kerana terdapat sebuah kubur seorang Cina Islām yang ditemui di perkuburan Islam Ranggas, Bandar Seri Begawan bernama Tuan Pu-Kuang Chih Ma bertarikh pada tahun 1264. Selain itu, penemuan

⁷¹ Sebutan Brunei berasal daripada perkataan Sanskrit *Varunai* yang bererti sesuatu yang berhubung dengan laut. *Varunai* yang terbit daripada perkataan *Varunadvipa* melambangkan kawasan Pulau Kalimantan. Pada awalnya Brunei dieja dengan بُرْنَيْ yang secara fonetik terdapat peralihan sebutan daripada *Varunai* kepada *Bruni*, *Porni*, *Po-ni*, *Po-li*, *Wan-Kai*, *Burney*, *Burni* dan akhirnya sebutan Borneo yang merujuk kepada negeri Brunei sendiri kerana pada suatu ketika seluruh kepulauan Borneo dikuasai oleh Brunei pada zaman Sultan Bolkiah, Sultan Brunei yang kelima (1485-1524) (Awang Latif Ibrahim dalam Ismail Hussein (pnyg.), et al, 1993 : 212).

⁷² *Po-ni* terdapat dalam tulisan klasik Cina yang bermaksud Kerajaan Brunei Tua.

batu nisan puteri Sultān ‘Abd al-Majīd ibnu Muḥammad Syāh al-Sultān, Rogayah yang bertarikh 440 H/1048 M di Perkuburan Islām Jalan Residency, Bandar Seri Begawan masih wujud sehingga kini adalah sebagai bukti kedatangan Islām ke Brunei (Prof. Dato’ Dr. Othman Moḥd. Yatim & Abdul Halim Nasir, 1990: 93-95). Berdasarkan keterangan yang tercatat pada batu nisan itu, kemungkinan Brunei merupakan negeri Melayu Islām yang terawal.

Sewaktu pemerintahan Sultān Brunei yang kelima, Sultān Bolkiah (1473-1521), baginda telah berjaya menjadikan Brunei sebuah kerajaan Islām yang besar⁷³ dan kaya dengan kegiatan keilmuan. Setelah kejatuhan Melaka pada Portugis pada tahun 1511, pusat keilmuan Islām telah beralih ke Brunei dalam abad ke-15 dan ke-16.

3.1.7 Kerajaan Melayu Islām Aceh Dār al-Salām (Abad ke-16 dan ke-17)

Perkembangan Islām di Aceh adalah sekitar tahun 112 melalui seorang mubāligh ‘Arab bernama ‘Abd Allāh ‘Arīf (Prof. Dr. Syed Moḥd. Naquib al-Attas, 1969: 11). Johan Syāh datang ke Aceh pada tahun 1204, dan pada tahun 1205, beliaulah yang mengasaskan kerajaan Aceh, seterusnya menjadi pemerintah Islām yang pertama di situ dengan memakai gelaran Seri Paduka Sultān Johan Syāh. Baginda mangkat pada tahun 1233 setelah menjadi memerintah negeri tersebut selama 30 tahun (S.Q. Fatimi, 1963, op cit: 38).

⁷³ Jajahan Brunei amat luas iaitu meliputi seluruh Kepulauan Borneo, Sambas, Kotarinigin Pontianak, Coti, Pasir, Barau, Tuli-Tuli, Banjar, Bolongan (H.R. Huges-Hallet, 1940, JMBRAS, vol. XVIII, Pt. 2: 27) dan sebahagian besar Kepulauan Filipina.

Aceh mengambil tempat terpenting sebagai pusat keilmuan Melayu Islam pada abad ke-16 dan ke-17 selepas kejatuhan Melaka kepada kuasa Portugis pada tahun 1511. Perkembangan pesat Aceh sebagai pusat keilmuan Melayu Islam pada abad ke-16 dan ke-17 itu telah mengalakkan *santeri*⁷⁴ dari merata tempat di ‘Ālam Melayu untuk mendalami ‘ilmu agama. Bagi menggalakkan perkembangan ‘ilmu, para Sultān Aceh menerima kehadiran para ‘ālim ‘ulamā’ luar negeri dan mereka digalakkan menetap di Aceh. Antaranya, tokoh dari Makkah seperti Syeikh Abū al-Khayr ibnu Syeikh ibnu al-Hajar bagi mengajar ‘ilmu Fiqah dan sahabatnya, Syeikh Muhammād Yamānī bagi mengajar ‘ilmu Uṣūl di Aceh. Para Sultān Aceh sering mengadakan perbincangan dengan para ilmuwan dan para penulis kitāb bagi menjelaskan perkara-perkara penting yang berkaitan dengan hāl-ehwal keagamaan untuk keperluan kontemporari.

Zaman paling gemilang ialah sewaktu pemerintahan Sultān Iskandar Muda Mahkota ‘Ālam (1607-1636) kerana Aceh telah menjadi sebuah kerajaan Melayu yang besar⁷⁵. Pada masa itu, terdapat para ‘ulamā’ terkemuka seperti Ḥamzah Fansūrī⁷⁶, Syeikh

⁷⁴ Yang dimaksudkan dengan *santeri* ialah para pelajar yang juga merangkumi para ‘ulamā’ yang aktif mengembangkan ‘ilmu agama dari satu tempat ke tempat lain seperti di pondok, surau dan masjid.

⁷⁵ Jajahan Aceh amat luas meliputi Tanah Melayu, Sumatera, hingga ke Maluku dan Sulawesi.

⁷⁶ Ḥamzah Fansūrī hidup sekitar akhir abad ke-16. Beliau berasal dari Barus, Sumatera. Beliau mengembara ke merata tempat untuk menambahkan ‘ilmu pengetahuannya seperti ke Makkah, Madinah, Baghdad, Tanah Melayu dan Java. Beliau merupakan seorang ṣufi dan penya‘ir yang paling terkenal di antara ‘ulamā’ Aceh yang bijak dalam bahasa ‘Arab dan bahasa Melayu. Beliau menguasai ‘ilmu taṣawwuf dan menonjolkan ajaran ini dalam bahasa Melayu (Syed Mohd. Naquib al-Attas, 1970: 14).

Syams al-Dīn al-Sumatra⁷⁷, Syeikh Nūr al-Dīn al-Rānīrī⁷⁸, dan Syeikh ‘Abd al-Ra’ūf Singkel al-Fansūrī⁷⁹ (Martin Van Bruinessen, [pgnt.] Abdulrahman Wahid, 1999: 190).

Semasa pemerintahan Sultān Iskandar Thānī (1636-1641), baginda memajukan ‘ilmu dengan membina sebuah masjid yang diberi nama *Bāyt al-Masyāhid*. Sementara Sultānah Tāj al-Ālam Safiyah al-Dīn Syah (1641-1675) mempunyai dua orang ‘ulamā’ yang besar iaitu Syeikh Nūr al-Dīn al-Rānīrī dan Syeikh ‘Abd al-Ra’ūf Singkel al-Fansūrī sebagai penaşıhatnya dalam urusan agama.

Untuk mengembangkan ‘ilmu, kerajaan Aceh telah mendirikan pusat pengajian di masjid⁸⁰, *meunasah*⁸¹, *rangkang*⁸², *balee*⁸³ dan *dayah*⁸⁴. Tradisi keilmuan yang kuat di Aceh akhirnya telah menular hampir ke seluruh dunia Melayu.

⁷⁷ Syams al-Dīn al-Sumatra^T menghasilkan karya berjumlah hampir 40 judul kitāb (Prof. Dr Hashim Hj. Musa, 2001, op cit, 56). Beliau merupakan seorang murid Hamzah Fansūrī yang menulis dalam bahasa ‘Arab dan bahasa Melayu. Beliau adalah orang pertama yang menghuraikan isi ajaran *Martabat Tujuh* dari karya ibnu ‘Arabī (Martin Van Brunessen, [pgnt.] Abdulrahman Wahid, 1999: 191).

⁷⁸ Syeikh Nūr al-Dīn al-Rānīrī adalah keturunan ‘Arab yang berasal dari Gujarat, India. Bagaimanapun, kebanyakan karyanya dikarang dalam bahasa Melayu. Beliau menulis kitāb *Tibyān I’t Ma’rifat al-Adyān* sekitar tahun 1644 (Wan Mohd. Nor Wan Daud, 1997: 110).

⁷⁹ Syeikh ‘Abd al-Ra’ūf Singkel al-Fansūrī merupakan seorang tokoh sufi besar Aceh yang terakhir. Beliau menterjemah al-Qur’ān sebanyak 30 juzuk yang pertama ke dalam bahasa Melayu yang dinamakan *Tarjumān al-Mustafid* atau lebih dikenali sebagai *Tafsīr Bādhdhāwī*.

⁸⁰ Masjid di Aceh berfungsi sebagai institusi pengajian tinggi. Antara masjid yang terkenal di Aceh ialah Bāyt al-Rahmān, Bāyt al-Rahīm, dan Bāyt al-Musyāhadah.

⁸¹ *Meunasah* atau madrasah ialah peringkat pra-persekolahan di Aceh. Antara mata pelajaran yang diajar ialah membaca al-Qur’ān, cara beribadah, akhlāq, rukun Imān, kisah-kisah sejarah Islam dan sebagainya.

⁸² *Rangkang* merupakan peringkat menengah setelah seseorang itu tamat belajar sistem pendidikan asas di madrasah atau *meunasah* di Aceh. Antara mata pelajaran yang diajar di *rangkang* ialah bahasa ‘Arab, ‘ilmu Fiqah, ‘ilmu Tawhīd, Taṣawwuf, ‘ilmu Hisāb dan sebagainya.

⁸³ Selepas tamat belajar di *rangkang*, pelajar akan menyambung pelajaran di peringkat tinggi yang bernama *balee* di Aceh.

⁸⁴ *Dayah* berfungsi sebagai Institut Pengajian Tinggi di Aceh.

3.1.8 Kerajaan Melayu Islām Riau (Abad ke-18 dan abad ke-19)

Bandar Pulau Penyengat, Riau terkenal sebagai pusat keilmuan Melayu Islām pada abad ke-18 dan ke-19. Ia bermula semasa pemerintahan Raja Ahmad, bapa ‘Alī Haji yang begitu mencintai ‘ilmu sehingga beliau menjadi seorang ‘ulamā’. Semasa pemerintahan Yam Tuan Muda Raja ‘Alī, baginda berusaha melaksanakan ḥukum-ḥukum Islām dan menghapuskan perbuatan yang bertentangan dengan agama. Baginda menggalakkan kedatangan para ‘ālim ‘ulamā’ agar menetap di Riau, dan mengajar ‘ilmu agama kepada anak-anak raja, rakyat jelata dan dirinya sendiri.

Baginda melantik saudara sepupunya, Raja ‘Alī Haji untuk menjadi Perdana Menteri di Riau untuk memperkuuhkan lagi perkembangan ‘ilmu. Ramai penuntut dari serata pelosok dunia Melayu telah datang ke Riau untuk mempelajari ‘ilmu terutamanya di pondok-pondok⁸⁵ di sekitar Pulau Penyengat. Seterusnya, Yam Tuan Muda Raja ‘Alī menggalakkan para ‘ālim ‘ulamā’ besar dari ‘Ālam Melayu datang ke Pulau Penyengat untuk menjadi guru di pusat pengajian Islām, antaranya ialah Habib Syeikh Sahaf, Kiyai Berenjang, Syeikh Ahmad Jibrati Syed dan ‘Abd Allāh Bahrāyn. Sementara Syeikh Ismā‘īl telah dijemput khuşus oleh Raja ‘Alī untuk menjadi guru di Pulau Penyengat itu (Prof. Dr. Ismail Hamid, 1986, op cit: 151).

Raja ‘Alī Haji dilantik menjadi guru agama di Riau oleh Yam Tuan Muda Raja ‘Alī. Beliau menjadikan Riau sebagai pusat keilmuan Melayu Islām yang terkenal dalam

⁸⁵ Pondok yang berasal daripada perkataan bahasa ‘Arab “fondog” yang bermakna bangunan untuk pengembara ialah sebuah pusat pendidikan rakyat yang bermula pada masa pemerintahan Niẓām al-Mālik di Baghdad, pemerintah Kerajaan Saljuk. *Pesantren* di Jawa membawa makna pondok yang ada persamaan dengan pondok di Tanah Melayu, manakala *Langgar* di Patani sama erti dengan Pondok yang berasal dari perkataan Parsi yang bererti *madrasah* atau tempat belajar.

abad ke-19. Antara murid-murid Raja ‘Alī Ḥaji ialah Yam Tuan Muda Raja ‘Alī, dan Syed Syeikh al-Hādī yang pernah mengunjungi Riau. Raja ‘Alī Ḥaji mengajar di dalam bidang ‘ilmu Ṣaraf, Naḥū, Uṣūl al-Dīn, Fiqah dan Taṣawwuf (*ibid*). Beliau telah menghasilkan karya-karya dalam bidang-bidang agama Islām berbentuk pantun atau puisi. Antara karya beliau ialah *Bustān al-Kātibīn* yang dikarang pada tahun 1850, *Gurindam Dua Belas* yang dikarang pada tahun 1846, *Sya’ir Hukum Nikāh* atau *Suluk Pegawai* yang dikarang pada tahun 1866 dan lain-lain.

Untuk memusatkan perkembangan ‘ilmu pengetahuan di Riau, berbagai-bagai jenis buku agama telah diterbitkan di Pulau Penyengat seperti terjemahan kitāb karangan Syed Alī Balāwi dari ḥadīṭ al-māuṭ pada tahun 1899, kitāb al-Ḥākim karangan Tāj al-Dīn ‘Abd al-Fādzil Aḥmad pada tahun 1936 (*ibid*). Sementara kitāb-kitāb yang digunakan sebagai rujukan pengajian di Pulau Penyengat ialah *Matan al-Jurūmiyyah* berserta dengan syarahnya oleh ibnu Jurūmī, *Matan al-Fiyah ibnu Mālik* oleh ibnu Mālik al-Andalūsī berserta dengan syarahnya, *Bidāyat al-Hidāyah*, *Minhāj al-‘Ābidīn* oleh Imām al-Ghazālī, *Jāwhar al-Tāwḥīd* oleh al-Laqānī dan *Umm al-Barāhīm* oleh al-Sanūsī (Prof. Dr. Hashim Hj. Musa, 2001, op cit: 61). Justeru itu, Riau telah menjadi pusat keilmuan Melayu Islām yang utama pada abad ke-19.

3.1.9 Kerajaan Melayu Islām Paṭānī Dār al-Salām (Abad ke-18 dan ke-19)

Diperkatakan Islām telah diperkenalkan di Paṭānī lebih awal daripada Melaka (Aḥmad Idris dalam Moḥd. Yusof Hasan, 1991: 58) iaitu pada abad ke-11, tetapi sehingga abad ke-13 perkembangannya tidaklah meluas (Moḥd. Zamberi A. Malik, 1994: 28) dan ia hanya berkembang di kalangan rakyat jelata sahaja. Bukti kemasukan Islām ke Paṭānī

terdapat pada batu nisan berasal dari Makam Phaya Tu Naqpa⁸⁶ yang memeluk Islām digelar Sultān Ismā'īl Syah Dhu Lillāhu fī al-Ālam kira-kira pada tahun 1457. Pada batu nisan tersebut terdapat beberapa garis tulisan berupa kalimah syahādah yang diucapkan oleh Sultān Ismā'īl sebelum kemangkatannya.

Paṭānī yang seiring dengan Riau muncul sebagai sebuah pusat keilmuan Melayu Islām yang terkenal menjelang akhir abad ke-18 hingga sepanjang abad ke-19 menerusi kelahiran para ‘ulamā’ terkenal serta kitāb-kitāb karangan mereka yang termasyhur. Mereka terkenal di ‘Ālam Melayu hingga ke negara-negara ‘Arab, Turki dan utara Afrika yang mengiktiraf mereka untuk mengajar di Masjid al-Harām (ibid:95). Antaranya ialah Syeīkh ‘Abd al-Jalīl al-Faṭānī⁸⁷, Syeīkh Faqīh Alī al-Faṭānī⁸⁸, Hj. Wan Ahmad dan Hj. Sulong⁸⁹, Syeīkh Dawud bin Abd Allāh al-Faṭānī, Tuan Guru Syeīkh Wan Ahmad al-Faṭānī, Syeīkh Zain al-‘Ābidīn al-Faṭānī, Syeīkh ‘Alī Ishaq al-Faṭānī, Syeīkh Muḥammad Ṣalleh bin ‘Abd al-Rahmān al-Faṭānī dan banyak lagi. Ramai pelajar dari Sri Lanka, Burma, Vietnam, Semenanjung Tanah Melayu, Aceh, Jawa, Brunei dan lain-lain datang ke Paṭānī semata-mata untuk menuntut ‘ilmu.

⁸⁶ Phaya Tu Naqpa adalah nama raja Paṭānī sebelum baginda memeluk Islām. Pada suatu hari, baginda jatuh sakit yang tidak dapat disembuhkan oleh seorang bomoh. Di Paṭānī ketika itu terdapat sebuah Kampung Pasai, kediaman orang Melayu dari Pasai yang diketuai oleh Syeīkh Sa’Id dan beliaulah yang mengubati penyakit baginda. Sebelum mengubati, baginda menerima syarat sebagai memeluk Islām seperti yang dibuat oleh Syeīkh itu, tetapi baginda mungkir janji. Dengan itu, berulang kembali penyakit baginda. Setelah sembuh kali ketiga, barulah baginda memeluk Islām.

⁸⁷ Syeīkh ‘Abd al-Jalīl al-Faṭānī pernah pergi menyampaikan ajaran Islām di Kalimantan Selatan.

⁸⁸ Syeīkh Faqīh ‘Alī al-Faṭānī dikenali sebagai Nik ‘Alī atau Andik ‘Alī. Dengan ketokohnya sebagai seorang yang ‘ālim yang pernah menuntut ‘ilmu di Malbar, India, maka beliau digelar Faqīh ‘Alī al-Malbārī. Beliau pergi menyampaikan ajaran Islām di Kalimantan Barat.

⁸⁹ Hj. Wan Ahmad dan Hj. Sulong dihantar untuk mengajar ‘ilmu Islām di Kemboja menjelang akhir abad ke-19.

Istana Patānī telah menjadi pusat keilmuan dengan mendapat sokongan daripada para pemerintah Islām Patānī (Prof. Dr. Ismail Ḥamid, 1985: 44). Masjid juga memainkan peranan penting sebagai pusat keilmuan. Sementara itu, sistem pengajian di pondok begitu terkenal di Patānī sehingga sistem pengajian tradisi ini menular ke serata tempat terutamanya di Semenanjung Tanah Melayu seperti Kelantan, Terengganu dan Melaka.

3.1.10 Kerajaan Melayu Islām Terengganu⁹⁰ Dār al-Īmān (Abad ke-19 dan ke-20)

Batu Bersurat Terengganu yang dijumpai di Teresat, Kuala Berang pada tahun 1303 membuktikan permulaan Islām di Pantai Timur Tanah Melayu pada abad ke-14 (S.Q. Fatimi, 1963, op cit: 65-67 dan lihat juga Prof. Dr. Syed Mohd. Naquib al-Attas, 1970: 24) dan menunjukkan wujudnya sebuah kerajaan Islām di sekitar Kuala Berang pada waktu itu. Isi kandungan batu itu menunjukkan hasrat seorang pemerintah tempatan, Raja Mandalika untuk meletakkan undang-undang Islām di kalangan penduduk Terengganu (Auni Abdullah, 1991, op cit: 18) iaitu tercatatnya undang-undang jenayah dan muā‘malāt Islām seperti kesalahan orang-orang yang mencuri, berzina dan perkara-perkara yang berhubung dengan hutang-piutang (Catatan daripada Muzium Islām Kelantan). Menurut penduduk tempatan, batu tersebut digunakan sebagai tempat pelapik kaki untuk membasuh kaki sebelum naik ke surau (R.A. Kern dalam Alijah Gordani, 2001: 35, Prof. Dato’ Dr. Othman Mohd. Yatim & Abdul Halim Naṣir, 1990: 46). Justeru itu, ini menunjukkan bermulanya kegiatan pendakwahan dan keilmuan

⁹⁰ Menurut penduduk tempatan, nama Terengganu berasal daripada sebatang sebesar gading gajah dijumpai di sebuah (kini dikenali sebagai Pulau Duyung) pulau berhampiran Kuala Sungai. Ketua pulau tersebut menyembahkan kepada raja “tarīq amī tuanku”. Dengan itu sungai itu dikenali sebagai Kuala Sungai Terengganu. Nama Terengganu juga berasal dari nama Sungai Terenggan dan Sungai Kerbat yang digunakan oleh para penduduk untuk berulang-alik dan apabila mereka berselisih, mereka saling bertanya hendak ke mana? Mereka akan menjawab sama ada hendak ke “Terenggan ni” atau “Terenggan mu”. Dengan itu muncullah Terengganu yang kekal hingga sekarang.

Islām di Terengganu, terutamanya pada abad ke-19 dan ke-20 yang merupakan zaman kegemilangan Terengganu apabila ia menjadi sebuah pusat keilmuan Melayu Islām yang terkenal.

Kemajuan Terengganu sebagai pusat keilmuan adalah mendapat galakan daripada para Sultān yang amat meminati ‘ilmu seperti Baginda Sultān Omar dan Sultān Zain al-‘Ābidīn III (Shafie bin Abu Bakar dalam Dato’ Setia Jasa & Mohd. Yusof Abdullah [pysn.], 1989: 15). Kelahiran sistem pondok dan para ‘ulamā’nya seperti Syeikh Nik Mat Ismā‘īl bin Dāwūd al-Faṭānī, Tun Syeikh Duyung, Sayyid Muḥammad bin Zain al-‘Ābidīn dan lain-lain lagi telah mengharumkan Terengganu di seluruh pelusok dunia Melayu. Malahan ramai tokoh ‘ulamā’ dan pelajar dari luar terutamanya dari Paṭānī dan Jawa datang ke Terengganu bagi menceriakan tradisi keilmuannya.

3.1.11 Kerajaan Melayu Islām Kelantan⁹¹ Dār al-Na‘īm (Abad ke-19 dan ke-20)

Catatan awal mengenai kedatangan Islām ke Kelantan adalah berdasarkan kepada penemuan wang syiling emas yang pada muka hadapannya ditulis perkataan ‘Arab *Al-Julūs Kelantan*⁹² dan pada muka belakangnya bertulis *al-Mutawakkal ‘Alā Allāh*⁹³ menunjukkan Kelantan telah diperintah oleh pemerintah Islām sejak tahun 1181 (Catatan daripada Muzium Islām Kelantan). Menurut ibnu Baṭṭutah (1304-1377) terdapat sebuah kerajaan Islām di Kelantan iaitu satu kawasan yang disebutnya

⁹¹ Kelantan menurut Wang Ta-Yuan berasal panggilan dari *Chi-lan-tan*.

⁹² Perkataan ‘Arab *Al-Julūs Kelantan* bermaksud menduduki takhta kerajaan Kelantan.

⁹³ *al-Mutawakkal ‘Alā Allāh* ialah gelaran Raja Kelantan yang bermaksud berserah diri kepada Allāh.

Kaylukari atau *Kuala Krai* (Prof. Dr. Mahayudin Hj. Yahaya, 2001: 22) pada abad ke-12 atau ke-13.

Long Yunus (1762-1794) merupakan seorang penegak kerajaan Kelantan pada tahun 1762 yang sangat berpegang kuat kepada ajaran agama (Catatan daripada Muzium Islām Kelantan). Sultan Muhammad II (1837-1886) mendirikan sebuah masjid di Kota Bharu pada ~~thum~~ 1867 dan masjid itu menjadi tumpuan para ‘ālim ‘ulamā’ di ‘Ālam Melayu. Sultan Muhammad II (1889-1890) yang lain, memerintah Kelantan berdasarkan al-Qur’ān dan al-Sunnah seperti memotong tangan pencuri (*ibid*).

Kelantan menjadi sebuah pusat keilmuan Melayu Islām yang terpenting pada abad ke-19 dan ke-20. Ramai pelajar dari Kelantan dan dari merata tempat di ‘Ālam Melayu seperti Patani, Kembuja, Vietnam, Borneo, Mandiling, Jambi, Kampar, Siak, Inderagiri, Bantam dan Filipina telah datang menimba ‘ilmu di Kelantan (Wan Burhadin Wan Omar dalam Nik Abdul Aziz Nik Hj. Nik Hassan, 1983: 92). Kelahiran para ‘ulamā’ Kelantan yang terkenal dalam kajian ini ialah Hj. Ahmad bin Muhammad Yūsūf bin ‘Abd al-Halīm⁹⁴, Hj. ‘Abd al-Şamad bin Muhammad Şalleh⁹⁵, Syeikh Wan ‘Alī Kutān⁹⁶, Mohd. Yūsūf bin Ahmad⁹⁷, Muftī Hj. Ibrāhīm, Hj. Yaakob Hj. Ahmad, Hj. Ahmad Mahir, Hj. ‘Abd al-‘Azīz Hj. Abu Bakar, Hj. Wan Ishāq bin Imām Hj. ‘Abd

⁹⁴ Karya Hj. Ahmad bin Muhammad Yūsūf bin ‘Abd al-Halīm ialah *Dār al-Hisān* yang dikarang pada tahun 1868.

⁹⁵ Hj. ‘Abd al-Şamad bin Muhammad Şalleh dikenali sebagai Tuan Jabal dan karya terkenalnya ialah *Jalāl-Qulūb* yang dikarang pada tahun 1870.

⁹⁶ Karya Syeikh Wan ‘Alī Kutān yang terawal ialah *al-Jauhar al-Māuhub wa Munabbih al-Qulūb* yang dikarang pada tahun 1888.

⁹⁷ Mohd. Yūsūf bin Ahmad dikenali sebagai Tok Kenali (1868-1933) yang membantu penubuhan Majlis Ugama Islām Kelantan pada tahun 1915 dan Madrasah al-Muhammadiyāh pada tahun 1918.

Allāh⁹⁸, Hj. Wan Musā Hj. ‘Abd al-Şamad⁹⁹ dan Tok Kemuning (Temu bual dengan Ali bin Talib pada 5 Dis. 2001) telah memeriahkan lagi situasi keilmuan di Kelantan pada waktu itu.

Pusat-pusat pendidikan pondok di Kelantan yang terkenal ialah Pondok Kubang Pasu, Pondok Sungai Budur, Pondok Kampung Banggul, Pondok Tuan Padang, Pondok Kampung Tok Semian, Pondok Pasir Tumbuh, Pondok Lubuk Tapah, Pondok Sungai Durian, Pondok Gelang Mas, Pondok Talak dan lain-lain lagi (ibid).

3.2 PENGARUH-PENGARUH PERKEMBANGAN ‘ILMU MELAYU ISLĀM

3.2.1 Pengaruh dalam Politik dan Perundangan

Kedatangan Islām telah mengubah konsep raja yang melambangkan keturunan dewa raja daripada agama Hindu kepada sistem kesultanan. Dengan ini pemerintahan dunia Melayu diperintah oleh pemerintah kerajaan bersendikan slām yang merujuk kepada ahli *Sunnah Wa al-Jamā'ah* yang dipengaruhi oleh ḥukum-ḥukum Islām dari aliran *mazhab Syafī'i* yang bersumberkan utama *al-Qur'ān*, *al-Sunnah*¹⁰⁰, *Ijmā'*¹⁰¹ dan *Qiyās*¹⁰². Sumber sampingan juga digunakan seperti

⁹⁸ Hj. Wan Ishāq bin Imām Hj. ‘Abd Allāh pernah menjadi Pemangku Muftī Kerajaan Kelantan. Beliau meninggal dunia pada tahun 1915.

⁹⁹ Hj. Wan Musā Hj. ‘Abd al-Samad pernah menjadi Muftī Kerajaan Kelantan. Beliau meninggal dunia pada tahun 1943.

¹⁰⁰ *Al-Sunnah* ialah segala perkataan yang diucapkan oleh Rasūl Allāh s.a.w. dan segala perbuatan yang dilakukan oleh olehnya.

¹⁰¹ *Ijmā'* ialah satu persefakatan ‘ulamā’ mengenai sesuatu ḥukum syar‘i di suatu masa tertentu

¹⁰² *Qiyās* ialah suatu ḥukum berlandaskan perbandingan dengan ḥukum yang sedia wujud di dalam *al-Qur'ān* dan *Hadīth*.

*Istihsān*¹⁰³, *Istiṣlāh*¹⁰⁴ dan ‘Urf¹⁰⁵. Pelaksanaan undang-undang Melayu Islām tersebut dapat dilihat dalam *Undang-undang Laut Melaka*¹⁰⁶, *Undang-undang Melaka*¹⁰⁷, *Hukum Qānūn Brunei*¹⁰⁸, *Undang-undang ‘Ādat Aceh*¹⁰⁹, *Undang-undang Riau*¹¹⁰, *Undang-undang Sultān Ādām*¹¹¹ di Banjarmasin dan lain-lain.

Pengaruh keilmuan yang terdapat di dalam *Undang-undang Laut Melaka* pada abad ke-15 hanya terdapat dalam beberapa faṣal yang mempunyai beberapa unsur yang bersesuaian dengan Islām. Manakala *Undang-undang Melaka*¹¹² yang dikarang pada abad yang sama juga adalah luas dan mencakupi keseluruhan (Prof. Dr. Ahmad Ibrahim dalam Ismail Hussein, et al, 1993, jil. 1: 317) yang menerangkan hukum-hukum jenayah yang kebanyakannya dipengaruhi oleh Undang-undang Islām yang mengandungi tiga

¹⁰³ *Istihsān* ialah menjauhkan diri dalam sesuatu perkara daripada menggunakan hukum terdahulu, dan menggunakan cara-cara lain yang berlandaskan kepada alasan yang lebih munasabah.

¹⁰⁴ *Istiṣlāh* ialah suatu hukum baru yang tidak disebut di dalam al-Qur’ān dan al-Sunnah bagi memenuhi keperluan manusia.

¹⁰⁵ ‘Urf ialah ‘Ādat atau kebiasaan manusia dalam segala bentuk pertuturan dan juga perbuatan.

¹⁰⁶ *Undang-undang Laut Melaka* merupakan suatu undang-undang mengenai pelayaran di laut yang dicipta pada masa pemerintahan Sultān Mahmud Syāh (1424-1444). Tugas mengumpulkannya diserahkan kepada kapten-kapten laut di Melaka iaitu Nakhoda Jenal, Nakhoda Dewa dan Nakhoda Ishāq (lihat Zakaria Mohd Yatim dalam Ismail Hussein et. al, 1995, jil. 4: 1576-1582).

¹⁰⁷ *Undang-undang Melaka* atau *Hukum Qānūn Melaka* juga dikenali sebagai *Undang-undang Darat Melaka* atau *Risālat Ḥukum Melaka*. Undang-undang ini dikumpulkan pada zaman Sultān Muhammad Syāh (1424-1444) dan diper lengkap pada zaman Sultān Muẓaffar Syāh (1445-1458) (Prof. Dr. Ahmad Ibrahim dalam Ismail Hussein, et al, 1993, jil. 1: 315). Undang-undang ini mempunyai 46 nashkah salinan yang disebut dengan pelbagai nama seperti *Undang-undang Melaka*, *Undang-undang Negeri dan Pelayaran*, *Surat Undang-undang*, *Kitāb Undang-undang Raja Melaka*, *Undang-undang Sultān Mahmud Syāh*, *Kitāb Ḥukum Qānūn* dan *Surat Ḥukum Qānūn* (Jayaudin Jamaudin & Ruziatul Adnan, 1991: 186). *Undang-undang Melaka* ini mengandungi 44 bab. Ia terdiri daripada 6 jenis teks yang berbeza iaitu *Undang-undang Melaka* (tulen), *Undang-undang Laut* (sebahagian), *Undang-undang Perkahwinan Orang Islām*, *Undang-undang Jualan dan Prosedur*, *Undang-undang Negeri* dan *Undang-undang Johor* (Liaw Yock Fang, 1976: 31-38).

¹⁰⁸ *Hukum Qānūn Brunei* dihasilkan pada masa pemerintahan Sultān Hasan (1605-1619). Ia mengandungi 46 bab yang dibahagikan kepada 6 bahagian iaitu mengenai raja, kesalahan-kesalahan jenayah dan mahkamah, pinjaman dan upahan, pertanian, perkahwinan dan perceraian; dan perniagaan.

¹⁰⁹ *Undang-undang ‘Ādat Aceh* disebut juga ‘Ādat Mahkota ‘Ālam, *Qānūn Mahkota ‘Ālam* atau *Qānūn al-‘Asyī*. Ia telah digubal oleh Sultān ‘Alāu al-Dīn Ria'yāt Syāh II, diselesaikan oleh Sultān Iskandar Muda (1607-1636).

¹¹⁰ *Undang-undang Riau* dilaksanakan pada masa pemerintahan Sultān Sulāymān (1722-1760).

¹¹¹ *Undang-undang Sultān Ādām* dihasilkan oleh Sultān Ādām (1825-1857).

¹¹² Lihat lampiran 3.2.1 (a) menerangkan faṣal-faṣal yang berunsurkan undang-undang Melayu Islām dalam *Undang-undang Laut Melaka* dan *Hukum Qānūn Melaka*.

bahagian iaitu ḥukum *hudūd*, *ta’dhīr*, *qīṣāṣ* dan *diāt*. Di dalamnya juga terdapat *Undang-undang Muā’malāt*, *Undang-undang Keluarga*, dan *Undang-undang Acara, Keterangan dan Adab* (Liaw Yock Fang, 1976: 1).

Hukum Qānūn Brunei pula memperlihatkan pelaksanaan ḥukum Islām yang menyentuh persoalan seperti perkahwinan, jenayah dan mu‘āmalāt di dalam beberapa bahagian¹¹³. Justeru itu, pengaruh perkembangan dalam *Undang-undang Melaka*, *Hukum Qānūn Brunei* dan lain-lain telah membentuk para pemerintah seperti Sultān, pembesar, pegawai istana, dan pasukan tentera mentadbir negeri berdasarkan firman Allāh s.w.t. dalam al-Qur’ān dan meninggalkan laranganNya.

Pemerintahan Melayu mengamalkan sistem syūrā’ seperti yang digalakkan dalam Islām. Ia telah dilakukan oleh kebanyakan pemerintah Melaka. Begitu juga dengan pemerintah Pasai, Sultān Mālik al-Šāliḥ yang mengamalkan sistem syūrā’ dengan mempersoalkan kepada semua menteri, hulubalang dan tenteranya ketika baginda hendak melantik puteranya, Mālik al-Mansūr sebagai pemerintah baru di Pasai (A.H. Hill, JMBRAS, vol. 3, 1966: 65).

Sultān ‘Alāu al-Dīn Ria‘yāt Syāh telah mengamalkan pemerintahan yang ‘ādil dan saksama menurut ḥukum Allāh s.w.t. Baginda menegakkan keamanan Melaka dengan menyamar diri pada waktu malam semata-mata untuk menyiasat kesusahan rakyat jelata seperti yang pernah dilakukan oleh khalīfah Islām yang terkenal pada zaman Rasūl Allāh s.a.w. iaitu ‘Umar al-Khaṭṭab r.a. Baginda berbuat demikian juga semata-mata

¹¹³ Lampiran 3.2.1 (b) menerangkan fasal-fasal yang berunsurkan undang-undang Melayu Islām dalam *Hukum Qānūn Brunei*.

untuk menghapuskan perompak-perompak yang sering bermaharajalela di waktu malam di Melaka. Usaha gigih baginda itu akhirnya berjaya memulihkan Melaka kembali menjadi sebuah negeri yang aman.

Dalam sistem pemerintahan kerajaan Aceh, undang-undang yang dijalankan adalah bersendikan Islām. Kelahiran Undang-undang ‘*Ādat Aceh* pada abad ke-17 merupakan hukum ‘ādāt yang ternyata tidak bertentangan dengan ajaran Islām dan şah dijadikan sebagai sumber rujukan Islām di Aceh. Undang-undang Islām di Aceh dijalankan dalam perkara yang merangkumi peribadatan, politik dan perundungan. Justeru itu, Sultān diberi gelaran *Imām al-‘Ādil*¹¹⁴ dan jawatan pentadbir undang-undang tertinggi adalah jawatan kedua terpenting selepas Sultān yang bergelar *Qāḍī Malik al-‘Ādil* dengan para pembantunya, dan jawatan yang rendah sekali ialah *Imām* yang bertanggungjawab bagi pentadbiran di setiap *mukim*¹¹⁵, iaitu beliau menentukan setiap kampung yang terletak di satu mukim hendaklah melakukan sembahyang Juma‘at dalam satu masjid (H.M. Zainuddin, 1961: 314).

Sebutan pada negeri Melayu juga melambangkan keislaman seperti yang digunakan oleh Samudera-Pasai, Brunei, Aceh dan Patani yang memakai gelaran Dār al-Salām, Terengganu pula memakai gelaran Dār al-Īmān dan Kelantan dengan gelaran Dār al-Na‘īm. Berdasarkan gelaran itu, ia sebagai lambang kepada sistem pemerintahan Melayu Islām yang kekal hingga ke hari ini.

¹¹⁴ Gelaran *Imām al-‘Ādil* juga digunakan oleh Sultān-Sultān di Pasai.

¹¹⁵ *Mukim* dalam sistem pemerintahan Aceh dibahagikan kepada lima bahagian iaitu Kawasan, Mukim, Kampung, Meunasah atau Surau dan Seuneubok atau orang yang mempunyai kebun sendiri.

3.2.2 Pengaruh dalam Sosial

Menurut Prof. Dr. Syed Mohd. Naquib al-Attas (1999: 13), agama Hindu berkembang di ‘Ālam Melayu tidak memperkenalkan pemikiran yang bercorak falsafah dan intelektual dalam masyarakat Melayu. Yang ditekankan hanya aspek yang bercorak ritualistik dalam bentuk upacara ‘ibadat dan ‘ādat istiadat, di samping aspek yang bercorak estetik seperti penekanan kepada seni sastera, seni teater, seni tari dan seni ukiran sahaja. Oleh itu, beliau (ibid: 3-4) berpendapat bahawa zaman Islām yang membawa pembaharuan, modenisme yang mementingkan ‘ilmu dan intelektual. Kedatangan Islām mencirikan zaman baru orang Melayu yang berkonsepkan Tāwhīd¹¹⁶ dan berbeza dengan zaman sebelum kedatangan Islām yang mempercayai kepercayaan karut seperti *animisme*¹¹⁷, *dinamisme*¹¹⁸ dan Hindu-Buddha yang menjadi pegangan hidup mereka. Islām amat menentang kepercayaan tersebut yang bercorak taḥayul, dan fantasi, sebaliknya Islām mengubah pemikiran bercorak ‘aqliyyah yang diasaskan kepada rasionalisme.

Islām telah memperkenalkan konsep persamaan taraf, persaudaraan dan perpaduan sejagat dengan menggantikan sistem kasta Hindu yang membahagikan penduduk ‘Ālam Melayu kepada beberapa susun lapis dan menghapuskan semangat kedaerahan seperti di India (Prof. Dr. Ismail Hamid, 1986, op cit: 159). Mereka hidup saling tolong-menolong di antara satu sama lain dan bersikap ‘ādil dalam semua aspek.

¹¹⁶ Tāwhīd ertinya percaya wujudnya Allāh yang Maha Esa dan menafikan kewujudan kuasa yang lain.

¹¹⁷ *Animisme* bermaksud satu kepercayaan tradisional bahawa setiap benda mempunyai jiwa atau roh yang memiliki keperibadian sendiri (Abdul Rahmān Hj. Abdullah, 1990: 1).

¹¹⁸ *Dinamisme* ialah kepercayaan tradisional yang mempercayai adanya jiwa di mana-mana yang mempunyai kekuatan yang dapat membawa kesan sama ada baik atau buruk (ibid: 1-2).

Pengaruh sosial yang wujud dalam masyarakat Melayu Islām terdapat dalam beberapa perayaan besar dan juga kecil yang diamalkan oleh mereka sehingga ke hari ini. Contohnya, Hari Raya Puasa, Hari Raya Haji, Awal Muhamarram, Hari ‘Asyurā’, Māulūd Nabī Muhammad s.a.w., Isrā’ Mi‘rāj, Niṣfu Sya‘bān, Puasa Ramadān dan lain-lain. Semua perayaan tersebut adalah berdasarkan kalendar Islām¹¹⁹. Ia mempunyai cerita-cerita tradisi Islām yang unik yang dapat menimbulkan keinşafan, menambahkan keimanan seseorang terhadap Allāh s.w.t. dan juga dapat mengukuhkan hubungan persaudaraan sesama masyarakat. Peranan yang dimainkan oleh media seperti televisyen dan radio juga telah meningkatkan lagi kefahaman masyarakat Melayu Islām terhadap konsep ‘ilmu dengan penyiaran rancangan-rancangan ‘ilmiah seperti cerita-cerita berbentuk agama, bacaan al-Qur’ān, dhikir dan lain-lain.

Pengaruh sosial juga dapat dilihat dalam upacara kematian. Pada malam pertama kematian seseorang, masyarakat Melayu Islām mengadakan amalan mengaji al-Qur’ān atau bertahlil selama 44 hari berturut-turut di rumah si mati atau di rumah saudara-maranya yang terdekat. Mereka menyedekahkan duit atau sebarang pemberian ikhlās, di samping menghidangkan makanan sebagai penghargaan kepada semua pembaca taḥlīl kerana sudi memberi kerjasama dalam menjayakan acara tersebut.

Dalam ‘ada’ perkahwinan Melayu Islām, ia bermula dengan upacara risik-merisik bagi mengetahui keturunan si perempuan yang akan dikahwini oleh si lelaki, dan setelah dipersetujui oleh kedua pihak, maka terjadilah upacara pertunangan. Seterusnya ia akan

¹¹⁹ Lihat lampiran 3.2.2 (a) menerangkan perayaan-perayaan Melayu Islām dan peristiwa di dalam Islām yang terdapat di dalam kalendar Islām.

menjurus ke arah perkahwinan apabila terlafaz *ijāb qabūl*¹²⁰ antara wali perempuan dan pengantin lelaki.

3.2.3 Pengaruh dalam Ekonomi

Masyarakat Melayu Islām digalakkan bekerja keras bagi mencari rezeki yang *halāl*¹²¹ dengan bermiaga, bercucuk-tanam dan lain-lain yang sekaligus mengharamkan *ribā*¹²² bagi mendapat keredaan Allāh s.w.t. Islām telah menyedarkan masyarakat Melayu agar mengeluarkan *zakāt*¹²³, bersedekah dan berwakaf bagi membantu golongan yang kurang bermasib baik. Di samping itu, ia dapat mengukuhkan ekonomi masyarakat Islām dan sekaligus dapat menguatkan lagi hubungan persaudaraan sesama Islām tanpa mengira pangkat.

Pengaruh dalam ekonomi telah dinyatakan dalam Undang-undang ‘*Adat Aceh* yang menentukan dasar cara berjual beli, perdagangan, pendapatan, pembahagian harta, pemindahan dan pampasan yang bersendikan Islām. Dasar undang-undang bagi kerajaan Aceh ini turut diamalkan oleh semua negeri Melayu Islām yang ternyata tidak bertentangan dengan ajaran Islām. Pada hari ini sistem perbankan Melayu Islām makin berkembang dengan memperkenalkan skim perbankan Islām di Melaka, Terengganu dan Kelantan seperti Bank Islām, Bank Muā‘malāt, RHB; di Brunei seperti Bank Baiduri dan Bank Takāful dan sebagainya di negeri-negeri di ‘Ālam Melayu. Terdapat

¹²⁰ *Ijāb qabūl* bererti ‘aqad nikāh. Lihat lampiran 3.2.2 (b) mengenai gambar lafadz *Ijāb* dan *qabūl* antara wali perempuan dan pengantin lelaki.

¹²¹ Halāl ialah sesuatu perkara yang dibenarkan dan tidak ditegah oleh syarā’.

¹²² Ribā’ ialah sesuatu perkara yang tidak dibenarkan dan ditegah oleh syarā’.

¹²³ Zakāt merupakan rukun Islām yang kelima yang wājib ditunaikan oleh masyarakat Islām yang mampu. Kini, selain mengeluarkan zakāt kepada mereka yang memerlukan, ia juga boleh dibayar terus ke *Bāyūl al-Māl* (Pejabat Zakāt) dan kemudian *Bāyūl al-Māl* akan mengagihkan kepada mereka yang layak menerimanya.

produk-produk yang berteraskan Islām diperkenalkan di bank-bank tersebut seperti *al-mudārabah*¹²⁴, *al-murābahah*¹²⁵, *al-musyārakah*¹²⁶, *al-wadī'ah*¹²⁷ dan sebagainya.

3.2.4 Pengaruh dalam Bidang Pendidikan

3.2.4 (a) Pendidikan Istana

Kebanyakan Sultān Melayu memainkan peranan yang penting dalam menggalakkan perkembangan Islām. Mereka menjemput para ‘ālim ‘ulamā’ datang ke istana untuk menyampaikan ‘ilmu kepada golongan istana, para pentadbir setempat dan juga rakyat jelata.

Sultān Pasai, al-Mālik al-Zahir amat mencintai ‘ilmu pengetahuan sehingga istananya menjadi pusat keilmuan Melayu Islām yang terulung pada tahun 1345. Justeru itu, Pasai dibanjiri dengan para ‘ulamā’ dan para ‘ilmuwan Islām dari Mesir, Hadra al-māut, Yaman, Makkah dan Malabar. Para ‘ulamā’, para Sultān dan para pembesar negeri

¹²⁴ *Al-mudārabah* ialah sejenis kontrak perkongsian untung. Kontrak ini berdasarkan prinsip kongsi untung iaitu apabila seseorang individu memberikan modalnya kepada bank untuk digunakan dalam perniagaan. Kemudian, kedua-dua pihak akan berkongsi keuntungan. Jika berlakunya kerugian, ia akan ditanggung oleh pemodal.

¹²⁵ *Al-murābahah* ialah jualan yang berdasarkan harga keuntungan dan kos. Kontrak ini hanya menjadi sah jika harga, keuntungan dan kos ditentukan pada masa perjanjian dibuat antara pihak bank dengan seseorang individu atau pemodal.

¹²⁶ *Al-musyārakah* ialah sejenis perkongsian perniagaan antara seseorang individu atau pemodal dengan pihak bank untuk mendapatkan keuntungan. Pembahagian keuntungan akan ditentukan berdasarkan nisbah modal yang telah dipersetujui. Sementara itu, kerugian akan dibahagikan sama rata.

¹²⁷ *Al-wadī'ah* ialah sejenis produk Islām yang membolehkan seseorang itu menyimpan barang-barang di bawah penjagaan bank tanpa dikenakan pembayaran faedah. Bank akan menjadi penjamin dan pembayaran akan dikreditkan ke dalam akaun penyimpan apabila diperlukan. Penyimpan tidak layak untuk menerima keuntungan, tetapi berhak menerima pulangan atau dividen yang ditentukan oleh bank sebagai penghargaan.

berkumpul di istana Pasai bagi membincangkan persoalan hukum dan segala masalah yang berkaitan dengan agama.

Istana Melaka juga menjadi pusat keilmuan Melayu Islām yang terpenting pada abad ke-15. Para Sultān Melaka amat berminat mempelajari ‘ilmu agama. Sultān Muḥammad Syāh pernah berguru dengan Sayyed ‘Abd al-‘Azīz. Baginda pernah dikelilingi oleh para ‘ālim ‘ulamā’ selama lebih kurang lapan tahun lamanya (Tom Pires, 1944: 242). Manakala Sultān ‘Alāu al-Dīn Ria’yaṭ Syāh begitu gigih menyiarkan Islām sehingga baginda menjemput raja-raja di bawah jajahannya dari Pahang, Kampar dan Inderagiri serta kaum keluarga mereka datang belajar agama Islām di istana Melaka (ibid: 251). Sultān Maṇṣūr Syāh berguru dengan Māulana Abū Bakar, Sultān Maḥmūd Syāh dan puteranya Raja Ahmād berguru dengan Maulānā Ṣadar Johan dan Qādī Yūsūf dalam mencari ‘ilmu (Mohd. Jamil Mukmin, 1994: 126). Justeru itu, istana Melaka telah menjadi pusat keilmuan, tempat perbincangan tentang permasalahan agama Islām dan lain-lain. Sultān Maṇṣūr Syah pernah mengirimkan satu utusan ke Pasai bagi menjawab permasalahan agama dan juga mengirimkan Kitāb *Dūr al-Manzūm* yang menggunakan bahasa ‘Arab ke sana untuk diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Ini menunjukkan sikap baginda dan para pembesarnya begitu mementingkan ‘ilmu pengetahuan.

Para pembesar istana juga mengambil bahagian dalam mendalami ‘ilmu agama. Contohnya, Bendahara Melaka, Seri Maharaja turut mempelajari agama bersama-sama para pembesar daripada ‘ulamā’ yang bernama Māulānā Ṣadar Johan (R.O. Winstedt, [ed.], 1972: 177). Antara pembesar yang turut mempelajari agama ialah Tun Mat Ulat Bulu (ibid). Dengan itu, para Sultān, para pembesar dan rakyat menunaikan

tanggungjawab mereka menurut ajaran Islām dan segala hukum yang terkandung dalam *Undang-undang Melaka*.

Kegemilangan Aceh sebagai pusat keilmuan Melayu Islām mencapai kemuncak, khuşusnya pada masa pemerintahan Sultān Iskandar Muda Mahkota ‘Ālam dan Sultān Iskandar Thānī. Pada masa pemerintahan mereka, terdapat ramai ‘ulamā’ dari Tanah ‘Arab, Parsi, Turki, India dan lain-lain negara datang mengadakan perbincangan berkaitan ‘ilmu di istana Aceh. Bagaimanapun, Aceh mempunyai para ‘ulamā’nya tersendiri yang begitu terkenal. Antaranya ialah Ḥamzah Fansūrī, Shams al-Dīn al-Sumatra’ī, Nūr al-Dīn al-Ranīrī, ‘Abd al-Ra’ūf Singkel Fansūrī, Bukhārī al-Jāuharī dan Raja ‘Alī Ḥaji. Mereka berperanan sebagai penaşihat kepada Sultān dalam urusan dan pentadbiran agama. Contohnya, para Sultān memerintahkan para ‘ulamā’ tersebut mengarang buku-buku tentang ketatanegaraan seperti Bukhārī al-Jāuharī yang diminta oleh Sultān Aceh menulis kitāb *Tāj al-Salatin* pada tahun 1603. Nur al-Dīn pula diminta oleh Sultān Iskandar Thānī untuk mengarang kitab *Bustān al-Salātīn* pada tahun 1612, dan Raja ‘Alī Ḥaji diminta oleh Raja ‘Alī mengarang *Tuhfāt al-Nafīs* pada pertengahan abad ke-19 (Prof. Dr. Ismail Ḥamid, 1986, op cit: 168).

3.2.4 (b) Pendidikan Rakyat

Tahap pertama perkembangan ‘ilmu di kalangan masyarakat Melayu Islām sebenarnya bermula di rumah mereka sendiri. Kebiasaannya, ibu bapa berperanan sebagai guru yang mengajarkan anak-anak mereka membaca al-Qur’ān dan perkara-perkara asas dalam Islām sebelum menghantar anak-anak mereka mengikuti pengajian agama di

rumah guru-guru agama yang berhampiran dengan tempat mereka (Prof. Dr. Mohd. Kamal Hassan, 1996: 116).

Masjid¹²⁸ dan surau¹²⁹ adalah pusat keilmuan Melayu secara tidak formal yang begitu terkenal dan ia merupakan pendidikan yang lebih tinggi dari situasi di atas. Guru-guru yang mengajar di situ tidak diberi gaji. Bagaimanapun, orang ramai memberi sedekah dalam pelbagai bentuk barangan sebagai mengenang jasa guru-guru yang mengajar mereka. Pendidikan ini mempunyai pengaruh yang ramai di kalangan masyarakat kampung dan sejumlah kecil di bandar. Mereka didedahkan dengan pelajaran agama yang menggunakan kitāb-kitāb agama dalam bahasa Melayu atau *kitāb jawi*¹³⁰ dengan secara membuat *halaqah*¹³¹. ‘Ilmu-‘ilmu yang diajarkan di situ umumnya mencontohi pusat-pusat pengajian Islām di peringkat antarabangsa iaitu Masjid al-Harām, Makkah, al-Azhar al-Syarīf, Meşir, Dār al-‘Ulūm Deoband, Dabhil dan Bāyt al-Hikmah (Nik Abdul Aziz bin Nik Hassan, 1982, dalam Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, bil II: 50) yang terdiri daripada ‘ilmu Uṣūl al-Dīn, Fiqah dan Taṣawwuf. Pada zaman

¹²⁸ Perkataan masjid membawa makna tempat sujud iaitu tempat untuk menunaikan ‘ibādat sembahyang farḍu, sembahyang Juma’at dan juga sembahyang Hari Raya. Masjid terdiri daripada *mihrāb* (tempat imām memimpin sembahyang), *mimbār* (bangunan kecil yang diberi tangga, letaknya di belakang sedikit daripada *mihrāb* atau di samping *mihrāb* dan gunanya untuk berkutbah), *ma’dhan* atau menara (sebuah bangunan yang tinggi dan gunanya untuk *mu’adhdhin* (juruadhan) atau bilāl menyerukan adhan sebagai tanda masuknya waktu sembahyang dan mengajak umat Islām mengerjakan sembahyang. Selain itu, ruangan yang luas dipergunakan untuk tempat sembahyang (Dr. O.K. Rahmat S.H., 1976: 566).

¹²⁹ Surau disebut *balaisah* di Patani. Surau lebih kecil daripada masjid dan tidak digunakan sebagai upacara rasmi sembahyang Juma’at. Lain-lain fungsinya adalah serupa seperti masjid.

¹³⁰ Penggunaan ḥuruf jawi adalah berasaskan abjad Arab campuran Parsi dan Barbar. Gelaran *Jawi* adalah kata adjektif yang berasal dari perkataan bahasa Arab *Jawah*. Orang *Jawi* adalah merujuk kepada semua bangsa dan kaum peribumi di Asia Tenggara merangkumi orang Melayu dan Java. Tulisan jawi mencampuradukkan ḥuruf-huruf Arab yang terdiri daripada 29 ḥuruf dan 5 ḥuruf bukan ‘Arab diciptakan sendiri oleh orang Melayu. Menurut Syed Mohd. Naquib al-Attas (1999: 41), 5 ḥuruf itu ialah ca (ڽ), nga (ڽ), pa (ڽ), ga (ڽ), dan, nya (ڽ) yang diciptakan untuk melambangkan bunyi-bunyi yang lazim pada bunyi lidah Melayu. ḥuruf-huruf baru itu ditiru dari ḥuruf ‘Arab. ḥuruf ca (ڽ) diambil daripada ḥuruf jim (ڽ); ḥuruf nga (ڽ) diambil daripada ḥuruf ‘aīn (ڽ), ḥuruf pa (ڽ) diambil daripada ḥuruf fa (ڣ), ḥuruf ga (ڽ) diambil daripada ḥuruf kaf (ڣ), dan ḥuruf nya (ڽ) diambil daripada ḥuruf nun (ڽ).

¹³¹ *Halaqah* ialah satu bentuk pengajaran iaitu seorang guru berada di tengah-tengah dan dikelilingi oleh para pelajar sambil mengamati perkara yang diperkatakan oleh guru mereka.

kegemilangan Melaka, surau dan masjid berperanan sebagai pusat keilmuan Islām yang penting di kalangan rakyat. Malahan para sultān sendiri turut bersama dengan para pembesar negeri menunaikan sembahyang waktu, sembahyang Juma'at, sembahyang terawikh dan juga mendengar syaran agama (W.G. Shellabear, 1977: 60).

Sistem pengajian tradisional rakyat Melayu Islām secara persendirian yang terulung dikenali sebagai pondok¹³². Dari aspek fizikal, pengajian di pondok mengandungi rumah guru, ruang belajar sama ada di rumah guru atau surau yang berdekatan, rumah-rumah kecil yang dinamakan pondok itu menjadi kediaman para pelajar (Mohd. Zamberi A. Malik, 1994, op cit: 93). Sistem pengajian ini amat terkenal di Kelantan dan Terengganu. *Pondok Tok Kenali* adalah pondok yang tertua di Kelantan pada abad ke-19. Kemudiannya lahir lagi pondok-pondok lain sehingga abad ke-20 seperti Pondok Pasir Tumbuh, Pondok Lubuk Tapah, Pondok Sungai Durian, Pondok Gelang Mas, Pondok Talak, Pondok Seri Permai Seligi, Pondok Tunjung, Pondok Beta, Pondok Batu Gajah dan Pondok Bukit Gading (Temu bual dengan Ali bin Ṭalib pada 5 Dis. 2001).

Di Terengganu pula, sistem pengajian pondok bermula di bawah pimpinan Syeīkh ‘Ulamā’ ‘Abd al-Mālik bin ‘Abd Allāh yang mengasaskan Pondok Tok Pulau Manis dan kemudiannya tertubuhnya pondok-pondok secara meluas pada abad ke-19 dan ke-20 seperti Pondok Sungai Rengas, Pondok Bukit Putri, Pondok Paku di Besut, Pondok Rusila di Marang, Pondok Tok Jiring di Kuala Terengganu, Pondok Ittifākiyyah dan Pondok Watāniyyah di Jerteh (Temu bual dengan Sabariah Mohd. Ali pada 4 Dis. 2001).

¹³² Pondok di Aceh digelar *pesantren* dan *Meunasah* atau *binasah* di Patani.

Manakala sistem pengajian pondok di Patānī merupakan sistem pengajian yang tertua yang berkembang sehingga sekarang. Selain penduduk setempat, terdapat ramai pelajar¹³³ dari Tanah Melayu, Filipina, Jawa, Kemboja, dan lain-lain datang menuntut ‘ilmu di pondok-pondok di Patānī. Pengajian di pondok Patānī menggunakan kitāb-kitāb jawi yang dikarang oleh para ‘ulamā’ Patānī sendiri seperti Syeikh Dāwūd al-Fatānī yang digunakan sebagai bahan rujukan pengajian di pondok (Hasan Hadmarn, 1999: 17). Antara pondok yang terkenal dan tertua di Patānī ialah Pondok Dala, Bermin, Semela, Dual, Kota, Gerisik dan Telok Manok (Mohd. Zamberi A. Malik, 1994, op cit: 95 dan Mahayudin Hj. Yahaya, 2000, op cit: 315). Sistem pengajian pondok turut mengalami perkembangannya di Banjarmasin dan lain-lain negeri.

Kebiasaananya, bidang pengajian yang dipelajari di pondok-pondok ialah ‘ilmu Fiqah, Uṣūl al-Dīn, Taṣawwuf, Tafsīr, Ḥadīth, Nahū, Mantiq, Balāghah, Falāq dan lain-lain. Jadual waktu belajar ‘ilmu-‘ilmu tersebut ialah selepas sembahyang fardū dan hari cuti ialah hari Juma’at. Cara pembelajaran ialah guru menyampaikan pembacaan dari kitāb-kitāb dan murid-murid menyalin isi penting yang disampaikan oleh guru. Sebarang masalah berkenaan pembelajaran akan diselesaikan oleh pembantu¹³⁴ guru. Masa waktu belajar tiada ḥad yang ditetapkan, malah ianya memakan masa yang panjang sehingga berpuluhan-puluhan tahun lamanya. Bagi mereka yang sudah menguasai ‘ilmu agama dengan mendalam, akan membuka pondok yang pada kebiasaananya diletakkan nama mereka sendiri di kawasan masing-masing.

¹³³ Para pelajar pondok di ‘Ālam Melayu disebut *Tuk Pake* yang merupakan ištīlah daripada bahasa ‘Arab yang bererti orang yang sangat berhajat kepada ‘ilmu pengetahuan dan bimbingan keagamaan. Sementara orang yang mengajar pula digelar *Tuk Guru* yang kebiasaananya dinisbahkan kepada kewarakan dan kealimannya dalam ‘ilmu agama Islām, sudah menunaikan ḥaji atau pernah tinggal dan belajar di Makkah atau negara Timur Tengah lain sekian lama.

¹³⁴ Kebiasaananya, pembantu yang dilantik oleh guru adalah di kalangan pelajar-pelajar yang tertua dan bijak dalam ‘ilmu-‘ilmu agama.

Kemudian lahirlah pondok-pondok baru dalam bentuk moden. Ia dinamakan sistem pengajian madrasah¹³⁵ yang telah berkembang di ‘Ālam Melayu dengan lebih praktikal yang mengandungi peringkat rendah dan menengah. Dalam sistem pengajian ini, para pelajar diatur secara berkelas mengikut tingkat kecerdasan masing-masing mempunyai kurikulum yang jelas dan jangka masa serta tempoh pendidikan yang lebih ditentukan (Mohd. Zamberi A. Malek, 1994, op cit: 96).

Proses pengajian Islām di Aceh begitu tersusun yang bermula dengan peringkat pengajian rendah, menengah dan tinggi. Pengajian di *meunasah*¹³⁶ mendedahkan kepada para pelajar pelajaran menulis, membaca ḥuruf-ḥuruf ‘Arab, mengaji al-Qur‘ān, latihan ‘ibadat, akhlāq, sejarah Islām, rukun Islām, rukun Imān dan nasyid pada malam Juma‘at (Mahayudin Hj. Yahaya, 2000, op cit: 319). Antara buku pelajaran dalam bahasa Melayu yang digunakan ialah *Masā'il al-Muhtādīn* dan kitāb *Perukunan*. Apabila para pelajar tamat belajar di *meunasah*, mereka akan meneruskan pelajaran mereka di *Rangkang*¹³⁷ yang mendedahkan kepada mereka pelajaran Bahasa ‘Arab, Tāwhīd, Fiqah, Taṣawwuf, Sejarah Islām dan pelajaran-pelajaran ‘umūm seperti ‘Ilmu ‘Alam, ‘Ilmu Hisāb, Bahasa Melayu, Sejarah dan lain-lain (Mohd. Jamil Mukmin, 1994, op cit: 159).

¹³⁵ Madrasah juga disebut Sekolah Agama. Madrasah disebut *Meunasah* di Aceh.

¹³⁶ *Meunasah* ialah sekolah permulaan yang didirikan di setiap kampung di Aceh yang terbahagi kepada peringkat *ibtidaiyyah* (peringkat pertama) bermula dari umur 5 hingga 7 tahun , dan *tsānawiyah* juga *wusthā* (peringkat kedua) bermula dari umur 3-5 tahun. Guru-gurunya digelar Teungku Meunasah.

¹³⁷ *Rangkang* ialah peringkat pengajian menengah pertama di Aceh. Pelajar-pelajar yang belajar di masjid-masjid di sekitar Aceh memondok di situ dan sehingga mereka merasakan perlu mendirikan pondok, barulah mereka mendirikannya di sekeliling masjid sebagai asrama yang dinamakan *rangkang*. Guru-gurunya digelar Teungku di rangkang.

Akhir sekali mereka berpeluang melanjutkan pengajian mereka di *Balee*¹³⁸ dan di *Dayah*¹³⁹. *Rangkang* atau *Dayah* diketuai oleh seorang ‘ulamā’ seperti Dayah Ḥamzah Fansūrī, Dayah ‘Abd al-Ra’ūf Singkel dan lain-lain. Di pusat pengajian *Dayah*, diajarkan berbagai-bagai ‘ilmu agama yang pernah diajarkan di *pesantren*. Antara Dayah yang terkenal di Aceh ialah Dayah Cot Kala, Dayah Seuruleu, Dayah Blang Peria, Dayah Simpang Kanan, Dayah Batu Karang, Dayah Lambirah, Dayah Tanoh Abny, Dayah Tiro, Dayah Rumpet dan banyak lagi.

Apabila para pelajar tamat belajar di *Dayah* dan *Rangkang*, mereka dapat meneruskan pelajaran mereka di masjid-masjid di Aceh yang berfungsi sebagai pusat pengajian tinggi seperti *Masjid Jamī' Bāyt al-Rahmān*¹⁴⁰ *Masjid Bāyt al-Rahīm*¹⁴¹, *Masjid Bāyt al-Musyāhadah* (Abdul Raḥman Hj. Abdullah, 1995: 98) dan lain-lain. Pusat ini mengandungi berbagai-bagai *al-Dār*¹⁴², seperti *Dār al-Tafsīr*¹⁴³, *Dār al-Ṭib'*¹⁴⁴, *Dār al-Aḥkām*¹⁴⁵ *Dār al-Kāmīo*¹⁴⁶, *Dār al-Tarīkh*¹⁴⁷, *Dār al-Hisāb*¹⁴⁸, *Dār al-Siyāsah*¹⁴⁹, *Dār al-Zirā'ah*¹⁵⁰, *Dār a-Ḥarb*¹⁵¹ dan lain-lain lagi. Para pelajar di semua peringkat

¹³⁸ *Balee* ialah peringkat pengajian tinggi di Aceh. Guru-gurunya digelar Teungku di *Balee*.

¹³⁹ Kumpulan-kumpulan daripada beberapa buah *rangkang* dan *balee* digabungkan menjadi pusat pendidikan menengah atas lebih lengkap di Aceh yang dinamakan *dayah*. Dayah didirikan di luar lingkungan masjid dengan menyediakan balai utama yang digunakan sebagai tempat belajar. Tenaga pengajarnya ialah Teungku Chik yang bertaraf mahaguru (profesor) yang mengajar atau menjadi pakar rujukan bagi Teungku di *rangkang* dan Teungku di *balee*.

¹⁴⁰ *Masjid Jamī' Bāyt al-Rahmān* merupakan masjid yang paling terkenal yang didirikan atas inisiatif daripada Sultan ‘Alāu al-Dīn Maḥmūd Syāh I (1292).

¹⁴¹ *Masjid Bāyt al-Rahīm* dibina oleh Sultan Iskandar Muda (1607).

¹⁴² *Al-Dār* ialah jurusan ‘ilmu yang dikhususkan di pusat pengajian tinggi di masjid-masjid di Aceh.

¹⁴³ Jurusan *Tafsīr*.

¹⁴⁴ Jurusan *Perubatan*.

¹⁴⁵ Jurusan *Fiqah*.

¹⁴⁶ Jurusan *Kimia*.

¹⁴⁷ Jurusan *Sejarah*.

¹⁴⁸ Jurusan *Matematik*.

¹⁴⁹ Jurusan *Politik*.

¹⁵⁰ Jurusan *Pertanian*.

¹⁵¹ Jurusan *Peperangan*.

pendidikan di Aceh terdiri daripada rakyat tempatan, malahan dari luar seperti dari Melaka, Pañāñī, Jawa, Terengganu, Kelantan dan sebagainya.

3.2.5 Pengaruh dalam Bahasa dan Kesusastraan Melayu

Setelah Islām berkembang di ‘Ālam Melayu, bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa ‘ilmu pengetahuan dan begitu berpengaruh di kalangan penduduk Melayu. Justeru itu, huruf *Kawi* dari India tidak lagi digunakan dan digantikan dengan huruf-huruf ‘Arab yang dibawa oleh para ‘ulamā’ dan mubālīgh ‘Arab yang diberikan gelaran huruf Jawi. Pengaruh tulisan jawi yang tertua di ‘Ālam Melayu dapat dilihat pada *Batu Bersurat Terengganu*¹⁵². Penggunaan tulisan jawi memudahkan masyarakat Melayu Islām memahami bahasa ‘Arab dan juga mempelajari al-Qur’ān.

Wujudnya abjad baru dari pengaruh bahasa ‘Arab ini berfungsi sebagai bahasa pengantar bagi memberi pengajaran agama kepada orang Melayu. Penulisan yang awal sekali dalam bentuk-bentuk kitāb agama menggunakan bahasa Melayu bertulisan jawi (Zuber Usman, 1963: 17-20). Sementara tajuk penulisan bagi peringkat permulaan adalah berkisar pada perkara-perkara dasar agama Islām yang menyentuh tentang pengajaran syahādah, sembahyang, puasa, zakāt dan haji. Apabila penganut Islām dapat memahami ajaran-ajaran yang dasar itu, mereka memerlukan penulisan yang lebih mendalam dalam ‘ilmu-‘ilmu agama. Lalu tulisan jawi digunakan di dalam penulisan-penulisan berbentuk ‘ilmu agama seperti *Tafsīr*, *Hadīth*, *Tawhīd*, *Fiqah*, *Tasawwuf* dan sebagainya.

¹⁵² Lihat lampiran 3.2.5 (a) yang menerangkan tentang tulisan jawi pada *Batu Bersurat Terengganu*.

Pada abad ke-18 telah muncul para ‘ulamā’ Patānī yang menulis kitāb-kitāb agama dalam bahasa Melayu menggunakan tulisan jawi. Antaranya ialah Syeikh Dāwūd bin ‘Abd Allāh al-Fatānī dengan karyanya yang terkenal *Furū’ al-Masā’il*¹⁵³, *Bughyat al-Tullāb*, *Idhoṭ al-Bāb*, *Munyāṭ al-Musholī*, *Sulūhan Mubtadī* dan lain-lain lagi. Manakala Syeikh Wan Ahmad bin Muhamad Zein al-Fatānī adalah seorang ‘ulamā’ yang terkenal pada abad ke-19 mengarang kitāb jawi *Farīdat al-Farā’id*, *al-Fatawā al-Fathīniyyah* dan lain-lain lagi (Ahmad Idris dalam Mohd. Yusof Hasan, 1991, op cit: 60). Raja ‘Alī Ḥaji dari Pulau Penyengat, Riau menulis menggunakan huruf jawi dalam kitabnya *Bustān al-Kātibīn* pada tahun 1857 (Drs. U.U. Hamidy, M.A, Kertas Kerja 3, 9-14 Nov. 1992: 7).

Tulisan jawi yang berbentuk ḥikāyat kesusasteraan Melayu turut ditulis di ‘Ālam Melayu ialah ḥikāyat Nabī Muḥammad s.a.w. seperti *Ḩikāyat Nūr Muḥammad*, *Ḩikāyat Bulan Berbelah*, *Ḩikāyat Nabī Mi'rāj*, *Ḩikāyat Seribu Masalah*, *Ḩikāyat Nabī Muḥammad*, *Ḩikāyat Nabī Wafat*, *Ḩikāyat Raja Khandaq* dan *Ḩikāyat Nabī Bercukur* (lihat Prof. Dr. Ismail Hamid, 1987: 47-59); ḥikāyat Nabī-Nabī seperti *Ḩikāyat Nabī-Nabī Secara Perseorangan*, *Ḩikāyat Nabī Yūsūf*, *Ḩikāyat Nabī Mūsā*, *Ḩikāyat Raja Sulāimān*, *Ḩikāyat Nabī Ayyūb* dan *Ḩikāyat Puteri Balqis* (ibid: 59-65); ḥikāyat Para Ṣahābat Nabī seperti *Ḩikāyat Abū Shamah*, *Ḩikāyat Abū Bakar*, *Ḩikāyat Nabī Mengajar ‘Alī*, *Ḩikāyat Ḥasan dan Ḥusāyn* dan *Ḩikāyat Tamīm al-Dāri* (ibid: 65-73); ḥikāyat Pahlawan-pahlawan Islām seperti *Ḩikāyat Amīr Ḥamzah*, *Ḩikāyat Iskandar Dhu al-Qarnāīn*, *Ḩikāyat Mālik Ṣāif al-Lizān*, dan *Ḩikāyat Muḥammad ‘Alī Ḥanafīyyah* (ibid: 73-84); dan ḥikāyat Orang ‘Ālīm seperti *Ḩikāyat Luqmān al-Ḥākim*, *Ḩikāyat Raja*

¹⁵³ *Furū’ al-Masā’il* sebuah kitāb fiqh karangan Syeikh Dāwūd bin ‘Abd Allāh al-Fatānī yang terbesar dan terkenal di ‘Ālam Melayu. Lihat lampiran 3.2.5 (b) yang menunjukkan kitāb *Furū’ al-Masā’il*, karangan Syeikh Dāwūd bin ‘Abd Allāh al-Fatānī.

Jumjunah, Ḥikāyat Ibrāhīm bin Adham, dan Ḥikāyat Abū Yazīd al-Bistamī (ibid: 85-91) dibaca oleh masyarakat Melayu Islām. Ḥikāyat nabī Muḥammad s.a.w dan Ḥikāyat para ṣahābāt Nabī dijadikan sya'īr-sya'īr yang dilakukan dan dinyanyikan dalam perayaan-perayaan Islām atau dalam sesuatu 'ādat keislaman .

Terdapat juga tulisan-tulisan yang berbentuk kesusasteraan sejarah seperti *Ḥikāyat Raja-raja Pasai*, *Ḥikāyat Aceh*, *Sulālah al-Salātīn*¹⁵⁴, *Tuhfāt al-Nafīs*¹⁵⁵ dan lain-lain; kesusasteraan ketatanegaraan dan perundangan seperti *Tāj al-Salātīn*¹⁵⁶, *Bustān al-Salātīn*¹⁵⁷, *Undang-undang Laut Melaka*, *Undang-undang Melaka*, dan lain-lain; dan puisi Melayu yang ditulis dalam tulisan jawi seperti cerita nabī-nabī Allāh s.w.t, sya'īr¹⁵⁸ *Gurindam 12* dan sya'īr panduan berumah tangga bertajuk *Gemala Mestika 'Ālam* oleh Raja 'Alī Haji (Drs. U.U. Hamidy, M.A, Kertas Kerja 3, 9-14 Nov. 1992, op.cit: 9).

Pada abad ke-16 kesusasteraan Melayu berkembang begitu pesat dengan tokoh pengarang dan 'ulamā'-ulama' Aceh seperti Ḥamzah Fānsūrī, Nūr al-Dīn al-Rānī, Bukhārī al-Jāuhārī, 'Abd al-Ra'ūf Singkel Fānsūrī, Syams al-Dīn al-Sumaterā'ī dan lain-lain.

Ḩamzah Fānsūrī seorang tokoh ṣufī dan pencipta sya'īr yang merupakan perintis terkemuka tradisi kesusasteraan Melayu pada abad ke-17 (Prof. Dr. Azyumardi Azra,

¹⁵⁴ *Sulālah al-Salātīn* bermakna *Salasilah Raja-raja*.

¹⁵⁵ *Tuhfāt al-Nafīs* bermakna *Hadiyah Yang Berharga*.

¹⁵⁶ *Tāj al-Salātīn* bermaksud *Mahkota Segala Raja-raja*.

¹⁵⁷ *Bustān al-Salātīn* bermaksud *Taman Segala Raja-raja*. Ia mengisahkan Sultān Iskandar Thānī (1637-1640) membina sebuah taman yang sangat indah berhampiran istananya, ia juga membina sebuah bangunan bernama *Gegunungan Menara Permata* di taman ini. Isi karangannya adalah hampir sama dengan isi kitāb *Tāj al-Salātīn*.

¹⁵⁸ Sya'īr ialah perkataan bahasa 'Arab yang bererti puisi.

1995: 167). Menurut Prof. Dr. Syed Mohd. Naquib al-Attas, (1975: 9) Hamzah Fanṣūrī berpengaruh dengan sya‘ir-sya‘ir mistik bahasa ‘Arab dan Parsī, lalu menciptakan sya‘ir yang sama dalam bahasa Melayu untuk menghuraikan ‘ilmu Taṣawwuf yang dipelajarinya melalui sya‘ir. Daripada sya‘ir yang diciptakan oleh Hamzah Fanṣūrī, bentuk sya‘ir keislaman berkembang memuncak pada abad ke-18 dalam memperkembangkan ajaran taṣawwuf Islām kepada masyarakat Melayu. Antara puisinya ialah *Sya‘ir Burung Pungguk*, *Sya‘ir Dagang*, *Sya‘ir Sidang Fakir*, *Sya‘ir Burung Pungguk* dan *Sya‘ir Perahu* (Dada Meuraxa, t.t. 147). Karyanya yang berbentuk prosa ialah *Syarah al-Āsyikīn*, *Asrār al-Ārifīn* dan *al-Muntahī* digunakan sehingga sekarang di duniā Melayu.

Manakala Nūr al-Dīn al-Ranīrī menghasilkan karya terbesarnya berjudul *Bustān al-Salātīn* yang sangat berpengaruh kepada masyarakat Melayu Islām sehingga terdapat salinan daripada bahagian-bahagian kitāb tersebut di seluruh ‘Ālam Melayu. Sementara Bukhārī al-Jāuharī menulis karyanya yang berjudul *Tāj al-Salātīn* yang menceritakan aspek pemerintahan berdasarkan ajaran Islām. ‘Abd al-Ra’ūf Singkel Fanṣūrī menghasilkan sebuah karya puisi yang terkenal iaitu *Sya‘ir Ma‘rifat* yang menggunakan konsep taṣawwuf yang sama seperti Ḥamzah Fanṣūrī (Prof. Dr. Ismail Ḥamid dalam Mohd. Taib Osman, 1997: 231). Raja ‘Alī Haji ialah ‘ulamā’ dari Riau telah menulis *Sya‘ir Hukum Nikāh* (ibid).

Kecemerlangan tulisan jawi mencapai taraf yang tinggi sehingga ia wujud dalam beberapa lambang-lambang pada negeri Melayu seperti di Brunei, Melaka, Terengganu dan Kelantan. Malahan kerajaan Brunei menggunakan tulisan ini di papan-papan nama syarikat perniagaan, kedai, kepala surat, resit, bil dan lain-lain (Jawawi Hj. Ahmad

dalam Mohd. Yusof Hasan, 1991, op cit, 92). Kerajaan Brunei juga telah mengadakan jawatan jurutulis Jawi yang ditugaskan khās untuk memberi atau menulis contoh tulisan jawi bagi membantu pihak yang memerlukannya (*ibid*). Di Paṭānī, tulisan ini digunakan untuk semua jenis persuratan. Malahan kitāb-kitāb penulisan agama dari Paṭānī yang terkenal pada sekitar abad ke-18 dan ke-19 seperti kitāb *Matla' al-Badrāyn* dan *Furū' al-Masā'il* karangan Syeīkh Dāwūd bin 'Abd Allāh al-Faṭānī bukan sahaja digunakan di pondok-pondok di Paṭānī, malah di Malaysia, Brunei Dār al-Salām dan juga di Indonesia (Amat Juhari Moain, 1996: 18) yang masih dirujuk hingga sekarang. Masyarakat Melayu Banjar lebih gemar membaca kitāb-kitāb agama dalam bahasa jawi dan tokoh 'ulamā'nya yang terkenal dalam menggunakan tulisan ini ialah Syeīkh Muḥammad Arsyād al-Banjarī (*ibid*: 19).

Kini, masih terdapat majalah dan bahan-bahan cetakan yang ditulis dalam tulisan jawi yang diterbitkan oleh Syarikat Dian Press dan Pustaka Aman Press di Kelantan; Paṭānī Press dan Samudera Press di Paṭānī, Pustaka Mīzān di Aceh, DBP dan Syarikat Mega di Brunei; dan lain-lain lagi yang banyak mencetak kitāb-kitāb agama dalam tulisan jawi. Dengan berlakunya perkembangan tulisan jawi, telah menjadikan bahasa Melayu kaya dengan iṣṭilah-iṣṭilah yang baru di rantau ini yang digunakan di institusi pengajian tinggi, pondok, masjid dan surau.

3.2.6 Pengaruh dalam Kesenian Melayu

3.2.6 (a) Seni Bina

Pengaruh Islām dalam seni bina Melayu dapat dilihat dalam bentuk-bentuk bangunan masjid yang bercorak di *mimbar*, tiang, dinding dan lain-lain. Di abad ke-1^c, barulah masjid-masjid berkubah dibina di ‘Ālam Melayu. Masjid Kg. Laut, Kelantan Dār al-Nā‘īm yang dibina pada abad ke-18 merupakan sebuah masjid binaan kayu yang tertua di Tanah Melayu, yang menggunakan alang dan tiang kayu tanpa menggunakan sebarang paku dan reka bina ini terserlah pada bumbungnya yang terdiri dari tiga tingkat¹⁵⁹. Bentuk dindingnya terdiri dari tiga tangkup dan bertiang serupa dengan Masjid Agung, Demak¹⁶⁰ (Manja Mohd. Ludin & Ahmad Suhaimi Hj. Mohd. Nor, 1995: 171). Kebanyakan masjid yang awal di ‘Ālam Melayu menggunakan bumbung bertangkup lima atau tiga.

Salah sebuah masjid yang tertua di Paṭānī terletak di Teluk Manok begitu unik yang diperbuat daripada kayu cengal tanpa menggunakan sebatang paku pun. Ia hanya dipahat dan dibaji dengan peralatan seperti kapak, beliung, batu kikir, perkakas logam dan sebagainya (Mohd. Zamberi A. Malik, 1994, op cit: 137). Tiangnya berjumlah 26 batang dan pada dinding dipenuhi ukiran kayu halang di bahagian bumbung yang dihiasi dengan ukiran bunga teratai berbentuk kembang dan kuncup (*ibid*: 137-138).

¹⁵⁹ Lampiran 3.2.6 (a) (i) menunjukkan seni bina Melayu Islām yang terdapat pada tiang dan juga bumbung Masjid Kampung Laut, Kelantan yang terdiri daripada tiga tingkat.

¹⁶⁰ Lampiran 3.2.6 (a) (ii) menunjukkan seni bina Melayu Islām yang terdapat pada bumbung Masjid Agung, Demak.

Masjid Kampung Keling, Melaka memaparkan seni bina ukiran Melayu Islām ditekap dengan bunga emas pada mimbar, kolah, dan tiang¹⁶¹ (Temu bual Mohd. Idrus Saidon pada 24 Nov. 2001). Di masjid itu juga terdapat ukiran berbentuk relung di dinding bahagian bawah dan di tempat sembahyang bahagian luar¹⁶². Masjid Kampung Ulu, Melaka menonjolkan ukiran tembus dengan bermotifkan dedaun di bahagian atas tingkap yang menyerupai ukiran di bahagian atas pintu di Masjid Kampung Keling, Melaka, cuma bezanya ukiran itu tidak ditekap dengan emas¹⁶³.

Unsur seni bina yang popular digunakan pada rumah-rumah Melayu Islām ialah berbentuk relung, terutama pada ruang hadapan rumah, di samping ukiran dedaun dan bunga-bunga; ukiran *arabesque*¹⁶⁴ dan juga ukiran yang serupa bentuk-bentuk tersebut tetapi berulang-ulang.

¹⁶¹ Lampiran 3.2.6 (a) (iii) menunjukkan seni bina Melayu Islām dengan tekapan bunga emas pada mimbar, kolah dan tiang Masjid Kampung Keling, Melaka.

¹⁶² Lampiran 3.2.6 (a) (iv) menunjukkan ukiran seni Melayu Islām berbentuk relung yang terdapat di Masjid Kampung Keling, Melaka.

¹⁶³ Lampiran 3.2.6 (a) (v) menunjukkan seni Melayu Islām berbentuk ukiran tembus dengan bermotifkan dedaun yang terdapat di Masjid Kampung Hulu dan Masjid Kampung Keling, Melaka.

¹⁶⁴ Sejenis ukiran yang bercorak daun-daun dan tumbuh-tumbuhan diadun bersama dengan ukiran kaligrafi Islām seperti Āyat-Āyat al-Qur'ān. Lampiran 3.2.6 (a) (vi) menunjukkan seni bina pada ruang hadapan rumah Melayu Islām dalam bentuk relung, ukiran dedaun dan bunga-bunga; serta ukiran *arabesque*.

3.2.6 (b) Seni Kaligrafi¹⁶⁵

Seni khat¹⁶⁶ telah berkembang pesat dalam masyarakat Melayu Islām terutamanya sebagai perhiasan utama di masjid seperti di *mimbar*, *mihrāb*¹⁶⁷, pintu¹⁶⁸ dan sebagainya, yang berperanan mengindahkan tempat ‘ibādat Allāh s.w.t. dan di samping untuk memberi peringatan kepada seluruh masyarakat Melayu Islām. Teks-teks yang dipilih adalah dari al-Qur’ān, tetapi ungkapan-ungkapan ḥadīth-ḥadīth dan frasa-frasa yang berunsurkan keagamaan juga digunakan. Hiasan āyat-āyat al-Qur’ān selain daripada mempunyai nilai-nilai kecantikan, juga amat bernilai dari segi maknanya (Catatan daripada Muzium Kesenian Islām).

Selain itu, seni khat sering diukirkan pada batu-batu nisan di kuburan orang Melayu Islām sehingga sekarang Pengukiran tulisan khat juga terdapat pada kayu-kayu hiasan di rumah-rumah Melayu yang biasanya diambil daripada āyat-āyat al-Qur’ān¹⁶⁹. Seni khat Melayu Islām juga dituliskan pada barang-barang logam seperti dulang, piala dan mata wang¹⁷⁰; buku-buku agama, papan-papan kenyataan, surat izin perdagangan, surat perjanjian dan lain-lain.

¹⁶⁵ Kaligrafi ialah seni tulisan yang indah iaitu perkataan yang berasal dari perkataan Yunani *kalios* yang bererti indah dan *graphia* bererti coretan atau tulisan (Manja Mohd. Ludin & Ahmad Suhaimi Hj. Mohd. Nor, 1995: 1) Indah dalam erti kata ialah mempunyai kehalusan dan kesenian. Kaligrafi yang di’tiraf dalam islām ialah *seni khat*.

¹⁶⁶ Contoh seni tulisan khat ialah thuluth, kufi, nasakh, diwāñi, riq’ah dan lain-lain lagi.

¹⁶⁷ Tulisan khat yang menjadi perhiasan di mihrāb biasanya mengandungi sekurang-kurangnya dua atau tiga āyat al-Qur’ān seperti āyat 37 dan 39 Surah Al ‘Imrān, dan juga āyat-āyat penting di dalam al-Qur’ān yang menyuruh umat Islām menunaikan ṣolāt seperti āyat 114 dalam Surah Hūd (Catatan daripada Muzium Kesenian Islām).

¹⁶⁸ Lampiran 3.2.6 (b) (i) menunjukkan seni khat Melayu Islām pada pintu bahagian tengah yang terdapat di Masjid Kampung Hulu, Melaka.

¹⁶⁹ Lampiran 3.2.6 (b) (iii) menunjukkan ukiran seni khat pada kayu di rumah Melayu Islām.

¹⁷⁰ Lampiran 3.2.6 (b) (iii) menunjukkan seni khat Melayu Islām yang dituliskan pada barang-barang logam.

3.2.6 (c) Seni Suara dan Seni Muzik

Seni lagu Islām pertama yang menular ke dalam masyarakat Melayu ialah adhan dan iqāmāt yang memberi isyarat akan masuknya waktu sembahyang. Apabila bermulanya sembahyang berjema‘ah, imām akan melagukan āyat-āyat al-Qur’ān tertentu dengan tajwīd yang fasih dan betul diiringi alunan suara yang begitu merdu. Manakala dhikir dilakukan oleh para jemā‘ah sebelum ataupun selepas mereka membaca doā’ (Temu bual dengan Hj. Abas Hj. Abdul Hadi pada 24 Nov. 2001). Bagaimanapun seni lagu ini boleh juga dilakukan secara individu.

Seni lagu Melayu seperti *Marhabān*, *berzanjī*, dan *qasīdah*¹⁷¹ adalah sejenis seni suara ‘Arab yang telah diubahsuai dan diasimilasikan dengan bentuk seni lagu dalam masyarakat Melayu tradisional. Lagu-lagu tersebut biasanya dipersembahkan dalam upacara yang digalakkan dalam agama Islām seperti perkahwinan, berkhatan, merayakan hari kelahiran nabī Muḥammad s.a.w. yang kadangkala diiringi alat muzik seperti rebana. *Nasyīd*¹⁷² pula ialah sejenis lagu yang mengandungi puji-pujian kepada Allāh s.w.t. dan nabī Muḥammad s.a.w. serta untuk menaikkan semangat berjihad yang dinyanyikan tanpa muzik, tapi kemudian berlaku perubahan dengan disertai alat-alat muzik yang berasal dari negara ‘Arab seperti gembus, rebana dan lain-lain. Lagu nasyid telah mempengaruhi masyarakat Melayu tradisi sejak kedatangan Islām dan terus berkembang dan menjadi popular dalam masyarakat Melayu hingga ke zaman moden

¹⁷¹ *Marhabān*, *berzanjī* dan *qasīdah* adalah sejenis nyanyian yang mengandungi perutusan ajaran Islām atau puji-pujian kepada Nabī Muḥammad s.a.w. yang dilakukan dalam bahasa ‘Arab. Kemudian seni katanya diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu supaya dapat difahami oleh para pendengarnya (Prof. Dr. Ismail Hamid, 1986: 165).

¹⁷² *Nasyīd* ialah sejenis nyanyian yang berasal dari bahasa ‘Arab.

ini. *Nazam*¹⁷³ yang berasal dari susunan puisi dilakukan di Terengganu Dār al-Īmān yang mengisahkan kehidupan Nabī Muḥammad s.a.w., para nabī, para ṣahābaṣ nabī dan juga tentang pengajaran agama Islām. Seni lagu *berdah*¹⁷⁴, begitu terkenal di Aceh Dār al-Salām yang melakukan kisah kelahiran nabī Muḥammad s.a.w. yang kadang kalanya diiringi dengan rebana (Drs. U.U. Hamidy, MA, Kertas Kerja 3, 9-14 Nov. 1992, op cit: 26).

3.3 MASALAH-MASALAH DALAM PROSES ISLAMISASI ‘ILMU DI KALANGAN MASYARAKAT MELAYU

Sebanyak 200 borang soal selidik¹⁷⁵ diedarkan kepada masyarakat Melayu Islām yang terdiri daripada pelbagai lapisan umur dari 13 hingga 55 tahun ke atas bagi mengetahui masalah-masalah dalam proses islāmisasi ‘ilmu di kalangan masyarakat Melayu Islām. Antara masalah yang dikemukakan ialah:

3.3.1 Gejala Sosiobudaya


Gejala sosiobudaya yang wujud kini di kalangan remaja dan masyarakat adalah suatu gejala yang begitu kronik dalam menjayakan islāmisasi ‘ilmu di kalangan masyarakat Melayu Islām. Ini dapatlah digambarkan dalam carta 3.3.2 (a) di sebelah:

¹⁷³ *Nazam* berasal daripada dhikir yang dilakukan dalam bahasa Melayu yang disebut juga *Naban*. Ianya tidak disertai dengan bunyi-bunyian muzik.

¹⁷⁴ Lampiran 3.2.6 (c) (i) mengenai seni lagu Melayu Islām *berdah* yang dilakukan dengan menggunakan seni kata yang terdapat dalam kitabnya.

¹⁷⁵ Lampiran 3.3 (a) mengenai borang soal selidik.

Carta 3.3.1 (a) : Faktor-faktor Utama yang Mewujudkan Gejala Sosiobudaya di Kalangan Remaja dan Masyarakat Melayu Islam



Sumber: Soal selidik, 2001

Dewasa ini, pengaruh persekitaran seperti rakan sebaya, kemewahan, ingin hidup bebas dan lain-lain yang tidak yang tidak terkawal begitu mudah menular dalam kehidupan masyarakat Melayu Islam. Mereka meniru pengaruh Barat yang disalurkan melalui media bercetak mahupun elektronik, dan ia akhirnya telah mengaburi pandangan mereka. Justeru itu, ia akan melahirkan budaya masyarakat Melayu Islam ala kebaratan dari pelbagai bentuk kehidupan seperti bentuk berpakaian, makanan, hiburan dan sebagainya. Jenama pakaian yang dipakai pada hari ini seperti *Levis*, *Lee Cooper*, *I-Setan*, *Crocodile* dan lain-lain; makanan dan minuman dibeli seperti *McDonalds*, *Pizza Hut*, *Kentucky Fried Chicken* dan lain-lain yang menyediakan makanan seperti *Burger*, anjing panas atau *Hot-Dog*, *Hamburger* dan lain-lain yang melambangkan nama-nama yang tidak berupa keislaman. Hiburan muzik lagu seperti rock, sentimental,

jazz dan lain-lain yang dicemari dengan unsur-unsur kurang sopan dan bertentangan sama sekali dengan Islām telah menjadi ikutan sebilangan kecil masyarakat Melayu.

Di samping itu, kesibukan bekerja tanpa batasan masa dan ingin mengejar material menjadikan ibu bapa mengabaikan kasih-sayang, dan ini telah mewujudkan kanak-kanak yang membesar tanpa tunjuk ajar yang sempurna daripada mereka. Ibu bapa yang tidak menunjukkan contoh yang baik serta tidak memberi didikan yang secukupnya, telah melahirkan anak-anak yang bersikap negatif terutamanya kesan daripada pengaruh dari budaya luar dan rakan sebaya.

Akhirnya, tiada kesedaran agama Islām juga telah mewujudkan masyarakat Melayu yang tidak patuh kepada undang-undang Islām, dan mereka lebih suka mengikut undang-undang Barat yang akhirnya membawa kepincangan dalam kehidupan seperti mendedahkan ‘aūrat, mengamalkan seks bebas, menagih dadah, mencuri, berjudi dan sebagainya. Pada hari ini, akibat tiada kesedaran agama Islām, terdapat sebilangan kecil masyarakat Melayu mempercayai khurāfat, jampi serapah, mandi ṣafar¹⁷⁶, bid'ah¹⁷⁷ dan lain-lain perkara yang bertentangan dengan ajaran Islām.

¹⁷⁶ Mandi ṣafar merupakan satu kepercayaan bahawa ia dapat menolak mala petaka.


¹⁷⁷ Tanpa mempunyai ‘ilmu yang cukup, mereka melakukan perkara bid’ah iaitu sesuatu yang dilakukan dengan membuta-tuli.

3.3.2 Tiada Kesepaduan antara ‘Ilmu Sekular¹⁷⁸ dan ‘Ilmu Agama

Berdasarkan kajian selidik yang dilakukan, tiada keseimbangan di antara kedua-duanya telah menimbulkan masalah dalam proses islamisasi ‘ilmu di kalangan masyarakat Melayu. Peringkat umur antara 17 hingga 42 tahun menunjukkan jumlah yang paling tinggi terhadap sikap mementingkan pendidikan sekular berbanding dengan kesepaduan ‘ilmu.

Graf di bawah menggambarkan tanggapan masyarakat terhadap ‘ilmu agama, sekular dan kesepaduan antara kedua-duanya:

Graf 3.3.2 (a) : Bidang ‘Ilmu yang Diminati oleh Masyarakat Melayu Islam



Sumber : Soal selidik, 2001

¹⁷⁸ *Sekular* berasal daripada perkataan Latin “*Seculum*” yang bererti masa sekarang dan tempat di dunia.

Segelintir daripada mereka yang mempunyai ‘ilmu agama secara mendalam tetapi mengamalkan sikap terlalu fanatik kepada dunia seperti yang telah wujud kini di persekitaran Melayu. Islam menggalakkan masyarakat Melayu menggunakan ‘ilmu sekular yang dibawa oleh Barat bagi melicinkan perlaksanaan kehidupan sehari-hari mereka. Bagaimanapun, penggunaan ‘ilmu tersebut haruslah tidak bertentangan dengan prinsip dan ajaran Islam.

Sikap segelintir masyarakat Melayu yang mengagungkan ‘ilmu sekular tanpa memberi penekanan kepada agama juga telah menghilangkan penghargaan kepada pembacaan al-Qur'an, berdhikir, melakukan amalan-amalan soleh seperti yang diperintahkan oleh Allah s.w.t. dan RasulNya serta pengabaian dalam tulisan ‘Arab dan jawi¹⁷⁹. Apabila tiada kesepadan ‘ilmu, akan menyebabkan hilangnya penghayatan ‘ilmu *fardu 'ain* dan juga ‘ilmu *fardu kifayah* dalam kehidupan mereka.

3.3.3 Peredaran Zaman

Arus Kemodenan yang dikecapi oleh masyarakat Melayu Islam adalah penting untuk kemajuan negara tetapi faktor peredaran zaman telah menjadikan banyak perkara berubah. Antaranya boleh digarapkan dalam jadual berikut:

¹⁷⁹ Dewasa ini, orang Melayu Islam yang mengetahui dan menggunakan tulisan ‘Arab dan jawi semakin berkurangan. Akhbār dan majalah jawi semakin pupus dan hanya golongan veteran yang membacanya dan apabila mereka tiada, hilanglah warisan ini. Sistem tulisan ‘arab dan jawi yang berubah selaras dengan perubahan zaman kurang diberi perhatian. Ini telah mewujudkan banyak kesilapan dalam penggunaannya. Sebilangan kecil masyarakat Melayu Islam pada hari ini mempelajari mengeja perkataan jawi atau ‘Arab dengan menggunakan tulisan rumi.

Jadual 3.3.3 (a) : Masalah-masalah serta Cabaran-cabaran yang Muncul di Kalangan Masyarakat Melayu Islam

MASALAH-MASALAH	CABARAN-CABARAN YANG MUNCUL
• Alam Persekitaran	<ul style="list-style-type: none"> • Budaya Barat seperti saluran media, seks dan budaya hidup seronok • Pengaruh rakan sebaya • Kurang mencari 'ilmu atau tiada kesedaran agama • Ancaman kristianisasi
• Kewangan	<ul style="list-style-type: none"> • Yuran tinggi • Bayaran kelas tambahan tidak berpatutan
• Kurang tokoh ilmuwan yang berkaliber	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak dapat mengumpul maklumat secara jelas • Tokoh yang ada hari ini perlu diberi tauliah terlebih dahulu dan jumlahnya terhad, bukannya terdiri daripada sukarelawan yang boleh mengajar di mana-mana tempat
• Kesibukan bekerja	<ul style="list-style-type: none"> • Sikap materialistik • Melahirkan sikap malas untuk mencari 'ilmu • Pengabaian kasih-sayang dan tunjuk ajar kepada anak-anak
• Terjemahan	<ul style="list-style-type: none"> • Kurang bahan terjemahan menjadikan bahan rujukan tidak mencukupi
• Berorientasikan peperiksaan dan mendapat pekerjaan semata-mata	<ul style="list-style-type: none"> • Melahirkan masyarakat yang malas dan tidak berkembang minda • Negara tidak maju • Bahan 'ilmiah tidak laris • Memahami 'ilmu secara teori dan tidak secara praktikal
• Saingan 'ilmu sekular dan 'ilmu agama	<ul style="list-style-type: none"> • Mengabaikan salah satu daripada 'ilmu tersebut • Terdapat masyarakat yang menghantar anak belajar di sekolah Kristian • Fakta yang bercanggah kerana tiada kesepadan 'ilmu

Sumber : Soal selidik, 2001

Kesemua kenyataan tersebut telah mempengaruhi masyarakat Melayu agar memenuhi kehendak nafsu dan ini menjadikan mereka tidak mengambil berat nilai-nilai mulia seperti yang dianjurkan oleh Islām. Sikap negatif seperti ini telah merosakkan akhlāq individu dan masyarakat seperti timbulnya *şifat ḥasad* dengki, dendam kesumat, penyelewengan dan pembelotan, perebutan kuasa dan pertumpahan darah sesama manusia (Prof. Dr. Hashim Hj. Musa, 2001, op cit: 64). Segala keretakan yang berlaku berpunca daripada masalah kekurangan ‘ilmu dalam diri individu itu sendiri. Apakah lagi faktor peredaran zaman yang dinikmati oleh masyarakat sedikit sebanyak telah melalaikan minda mereka agar tidak mementingkan keilmuan seperti yang dianjurkan Islām.